



JABATAN AUDIT NEGARA

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI DAN  
PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI

**PAHANG**  
**TAHUN 2018**





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI PAHANG  
TAHUN 2018**

**Jabatan Audit Negara Malaysia**



# KANDUNGAN



---

## KANDUNGAN

---

<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xi
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN</b>	
<b>NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018</b>	
Pendahuluan	1 – 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 – 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 – 5
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	2 – 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 – 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 – 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 – 4
Wang Awam	2 – 6
Akaun Hasil Disatukan	2 – 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 – 15
Akaun Amanah Disatukan	2 – 16
Penyata Akaun Memorandum	2 – 27
Nota Kepada Penyata Kewangan	2 – 34
Rumusan Audit	2 – 36
Syor Audit	2 – 37
<b>BAHAGIAN III</b>	
<b>PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	3 – 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 – 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 – 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 – 5
Perakuan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 – 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 – 10
Analisis Prestasi Kewangan	3 – 11
Bidang Utama Audit ( <i>Key Audit Area</i> )	3 – 23
Rumusan Audit	3 – 26
Syor Audit	3 – 26

**BAHAGIAN IV**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	4 – 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	4 – 3
<b>PENUTUP</b>	5 – 3

**LAMPIRAN**

Lampiran I	- Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 – 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri Pahang	6 – 8
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	6 – 9
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 – 10
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	6 – 11
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	6 – 12
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	6 – 13

**AKRONIM**

7 – 3

# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
  - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
  - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
  - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
  - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta beberapa Jabatan Negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun 2018 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**21 Oktober 2019**



# RINGKASAN EKSEKUTIF

---



---

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara menyeluruh pada akhir

tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpanduan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan *berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang  
ditemui Audit?**

**BAHAGIAN I:  
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi  
Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan kerana terimaan dividen daripada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) berjumlah RM5.89 juta yang telah di *set-off* bagi bayaran balik faedah pinjaman tidak diambil kira dalam penyata kewangan. Hal ini disebabkan oleh penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang menggunakan asas tunai dan pelaburan saham FGVHB merupakan pelaburan yang dilaporkan di bawah Penyata Akaun Memorandum.

**BAHAGIAN II:  
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah RM121.72 juta, meningkat sejumlah RM2.09 juta berbanding RM119.63 juta pada akhir tahun 2017.
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan sejumlah RM13.94 juta berbanding kurangan sejumlah RM78.12 juta pada tahun 2017. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM111.73 juta atau 20.9% menjadi RM647.52 juta berbanding RM535.79 juta pada tahun 2017.

- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM19.67 juta atau 3.2% pada tahun 2018 iaitu daripada RM613.91 juta pada tahun 2017 kepada RM633.58 juta.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM4.39 juta atau 2.2% daripada RM197.88 juta pada tahun 2017 kepada RM193.49 juta pada tahun 2018. Pelaburan saham tidak berubah pada tahun 2017 dan 2018 iaitu sejumlah RM112.12 juta.
- Jumlah hutang awam menurun sejumlah RM105.65 juta atau 3.3% menjadi RM3.052 bilion berbanding RM3.158 bilion pada tahun 2017. Tuggakan hutang awam oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 ialah RM1.266 bilion.
- Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 telah menurun sejumlah RM47.66 juta atau 48.3% menjadi RM50.97 juta berbanding RM98.63 juta pada tahun 2017.
- Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 tahun 2018 adalah memuaskan kerana sebanyak 103 projek atau 63.9% telah berjaya disiapkan daripada 161 projek yang dirancang. Selain itu, sebanyak 12 projek atau 7.5% sedang dilaksanakan dan 46 projek atau 28.6% ditangguhkan/belum mula.

### **BAHAGIAN III:**

#### **Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- Kesemua 21 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit.
- Kesemua 21 penyata kewangan agensi negeri tahun 2018 telah disahkan dan 14 daripadanya telah diberi Pendapat Tanpa Teguran iaitu lima (5) penyata kewangan BBN dan sembilan (9) penyata kewangan PBT. Satu (1) penyata kewangan BBN iaitu Perbadanan Muzium Negeri Pahang (PMNP) telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* manakala enam (6) penyata kewangan agensi lagi diberi Pendapat Berteguran iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang(PKPP), Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP), Majlis Daerah Raub, Majlis Daerah Lipis (MDL) dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).

- Kedudukan kewangan bagi sembilan (9) BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah baik berbanding tahun 2017.
  - Pada akhir tahun 2018, lebihan pendapatan terkumpul BBN dan MAI meningkat sejumlah RM364.93 juta atau 15.3%, jumlah aset meningkat sejumlah RM418.09 juta atau 12.1%, aset semasa bersih meningkat sejumlah RM453.92 juta atau 59.8%. Lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa pula menurun sejumlah RM108.14 juta atau 44.1% berbanding tahun 2017.
  - Pada 31 Disember 2018, 11 daripada 27 syarikat subsidiari di bawah tiga (3) BBN dan MAI memperoleh keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM1.009 bilion. Selain itu, 16 syarikat subsidiari lagi menunjukkan kerugian terkumpul keseluruhannya berjumlah RM94.45 juta.
- Kedudukan kewangan bagi 11 PBT pula menunjukkan sembilan (9) PBT mencatat lebihan semasa berjumlah RM41.09 juta pada tahun 2018. Selain itu, dua (2) PBT lagi mencatatkan kurangan semasa berjumlah RM1.62 juta. Tunggakan cukai taksiran PBT telah meningkat sejumlah RM0.74 juta atau 1.2% daripada RM64.30 juta pada tahun 2017 menjadi RM65.04 juta pada tahun 2018.

# BAHAGIAN I

---

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018



## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

#### **FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

<b>01.01.2018 hingga 31.12.2018</b> <small>Tahun kewangan kerajaan negeri</small>	<b>31 Julai 2019</b> <small>Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit</small>	<b>1 April 2019</b> <small>Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit</small>
<b>Komponen Penyata Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kedudukan Kewangan</li><li>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai</li><li>• Penyata Prestasi Kewangan</li><li>• Penyata Akaun Memorandum</li><li>• Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul>	
<b>Jenis Pendapat Audit</b>	Pendapat Tanpa Teguran	

#### **1. PENDAHULUAN**

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada 1 April 2019. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai pada tahun 2018 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Selain itu, ia mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh

kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2018. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal serta bayaran balik pinjaman.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembayarannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Awam.

1.2.5. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit dengan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta Jabatan Negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, *Exit Conference* bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan ketua jabatan telah diadakan pada 11 Julai 2019.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persempahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.** Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan kerana terimaan dividen daripada FGVHB berjumlah RM5.89 juta yang telah di *set-off* bagi bayaran balik faedah pinjaman tidak diambil kira dalam penyata kewangan. Hal ini disebabkan oleh penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang menggunakan asas tunai dan pelaburan saham FGVHB merupakan pelaburan yang dilaporkan di bawah Penyata Akaun Memorandum.

3.3. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Akauntan Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII**.



# BAHAGIAN II

---

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN  
NEGERI



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
<b>HASIL ↑</b>	<b>AKAUN HASIL DISATUKAN ↑</b>	<b>PINJAMAN BOLEH DITUNTUT ↓</b>
2018 – RM647.52 juta 2017 – RM535.79 juta	2018 – (RM214.43 juta) 2017 – (RM228.37 juta)	2018 – RM193.49 juta 2017 – RM197.88 juta
<b>BELANJA ↓</b>	<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	<b>PELABURAN</b>
2018 – RM681.46 juta 2017 – RM768.20 juta	2018 – RM0 2017 – RM0	2018 – RM848.80 juta 2017 – RM848.80 juta
	<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN ↓</b>	<b>HUTANG AWAM ↓</b>
	2018 – RM336.15 juta 2017 – RM348.00 juta	2018 – RM3.052 bilion 2017 – RM3.158 bilion

#### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan Wang Awam yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2018, sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM647.52 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan

Perbelanjaan Bekalan Air berjumlah RM681.46 juta. Pada tahun 2018, kerajaan negeri mengalami kurangan dana berjumlah RM33.94 juta berbanding RM232.41 juta pada tahun 2017. Kurangan tersebut dibiayai oleh Pinjaman Dalam Negeri, Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Analisis Audit mendapati hasil kerajaan negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM111.73 juta atau 20.9% menjadi RM647.52 juta berbanding RM535.79 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan kerajaan negeri pula menunjukkan penurunan sejumlah RM86.74 juta atau 11.3% menjadi RM681.46 juta berbanding RM768.20 juta pada tahun 2017. Prestasi kewangan kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

<b>Prestasi Kewangan 2018</b>	
Hasil <b>RM647.52 juta</b>	
Perbelanjaan <b>RM681.46</b>	
Kurangan <b>-RM33.94</b>	

**JADUAL 1**  
**PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>2017 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
<b>Hasil</b>	<b>647.52</b>	<b>535.79</b>	<b>111.73</b>	<b>20.9</b>
Tolak: Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	616.11	613.91	2.20	0.4
Perbelanjaan Pembangunan	50.98	98.63	-47.65	-48.3
Perbelanjaan Bekalan Air	14.37	55.66	-41.29	-74.2
<b>KURANGAN</b>	<b>-33.94</b>	<b>-232.41</b>	<b>198.47</b>	<b>-85.4</b>
<b>Kurangan Dibiayai Oleh:</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	71.92	97.12	-25.20	-25.9
Pelbagai Terimaan	27.12	23.49	3.63	15.5
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-65.10	111.80	-176.90	-158.2
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>	<b>33.94</b>	<b>232.41</b>	<b>-198.47</b>	<b>-85.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan kerajaan negeri bagi tahun 2018 adalah stabil kerana defisit menurun sejumlah RM198.47 juta atau 85.4% kepada RM33.94 juta. Kerajaan negeri perlu terus mengekalkan perbelanjaan berhemat serta mengambil tindakan proaktif bagi meningkatkan jumlah hasil supaya dapat mencatatkan lebihan hasil pada masa hadapan.

#### **4. KUMPULAN WANG DISATUKAN**

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018

berjumlah RM121.72 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai berjumlah RM9.60 juta dan Pelaburan berjumlah RM112.12 juta.

4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 meningkat sejumlah RM2.09 juta atau 1.7% menjadi RM121.72 juta berbanding RM119.63 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Hasil Disatukan memperoleh lebihan berjumlah RM13.94 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-214.43	-228.37	13.94	-6.1
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan	336.15	348.00	-11.85	-3.4
	<b>JUMLAH</b>	<b>121.72</b>	<b>119.63</b>	<b>2.09</b>	<b>1.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima tetapi belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada akhir tahun kewangan. Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Baki wang tunai kerajaan negeri meningkat sejumlah RM2.09 juta atau 27.8% pada akhir tahun 2018 menjadi RM9.60 juta berbanding RM7.51 juta pada akhir tahun 2017 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BAKI WANG TUNAI KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	8.70	7.40	1.30	17.6
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.80	0.01	0.79	7,900.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.10	0.10	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>		<b>9.60</b>	<b>7.51</b>	<b>2.09</b>	<b>27.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

### 5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10) dan Arahan Amanah (Seksyen 9), Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2018, baki Pelaburan Am berjumlah RM112.12 juta adalah sama iaitu tiada perubahan berbanding tahun 2017 kerana tiada pembelian atau penjualan saham dalam tahun semasa seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**BAKI PELABURAN AM KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)
1.	Tenaga Nasional Berhad	0.79	0.79
2.	Telekom Malaysia Berhad	3.05	3.05
3.	Malaysia Airport Berhad	2.50	2.50
4.	Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad	15.21	15.21
5.	Amanah Saham Pahang Berhad	44.10	44.10
6.	Global Maritime Ventures Berhad	3.00	3.00
7.	Alam Flora Sdn. Bhd.	2.00	2.00
8.	YTL Corporation Berhad	39.59	39.59
9.	Malaysian Bulk Carriers Berhad	1.72	1.72
10.	Axiata Group Berhad	0.16	0.16
<b>JUMLAH</b>		<b>112.12</b>	<b>112.12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

5.2.2. Pada tahun 2018, dividen yang diterima daripada pelaburan am kerajaan negeri berjumlah RM8.51 juta iaitu menurun sejumrah RM1.97 juta atau 18.8% berbanding RM10.48 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan kadar dividen yang diisyiharkan oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad adalah lebih rendah berbanding tahun 2017.

5.2.3. Selain itu, Amanah Saham Pahang Berhad tidak mengisyiharkan dividen kepada kerajaan negeri sebaliknya memberi sumbangan dalam bentuk pembiayaan gaji guru sekolah agama (kontrak). Sumbangan yang telah diberikan sejak tahun 2013 berjumlah RM22.60 juta termasuk tahun 2018 yang berjumlah RM4.13 juta.

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan baki kurangan terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM214.43 juta. Hasil tahun semasa menunjukkan peningkatan sejumrah RM92.06 juta iaitu daripada defisit RM78.12 juta pada tahun 2017 kepada lebihan sejumrah RM13.94 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PENCAPAIAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-228.37	-150.25	-78.12	52.0
Hasil	647.52	535.79	111.73	20.9
Perbelanjaan Mengurus	633.58	613.91	19.67	3.2
Lebihan/ Kurangan	13.94	-78.12	92.06	-117.8
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>-214.43</b>	<b>-228.37</b>	<b>13.94</b>	<b>-6.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

### 6.3. Hasil

6.3.1. Akaun Hasil Disatukan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2018, kutipan hasil sebenar kerajaan negeri berjumlah RM647.52 juta atau 92.4% daripada anggaran hasil yang diluluskan berjumlah RM700.64 juta seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**ANGGARAN HASIL BERBANDING KUTIPAN HASIL SEBENAR TAHUN 2018**

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN HASIL (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	294.25	213.33	72.5
2.	Hasil Bukan Cukai	210.41	220.95	105.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	195.98	213.24	108.8
<b>JUMLAH</b>		<b>700.64</b>	<b>647.52</b>	<b>92.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018


6.3.2. Jumlah hasil pada tahun 2018 meningkat sejumrah RM111.73 juta atau 20.9% menjadi RM647.52 juta berbanding RM535.79 juta pada tahun 2017. Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing menurun sejumrah RM0.54 juta dan RM0.11 juta menjadi RM213.33 juta dan RM220.95 juta pada tahun 2018. Terimaan Bukan Hasil pula mencatatkan peningkatan ketara sejumrah RM112.38 juta atau 111.4% menjadi RM213.24 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 iaitu RM100.86 juta. Kutipan hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 2**.

**JADUAL 7**  
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	KATEGORI HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai	213.33	213.87	-0.54	-0.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penurunan kutipan Cukai Tanah sejumlah RM2.55 juta.</li> <li>Penurunan Royalti Air sejumlah RM3.23 juta.</li> <li>Penurunan Royalti Perlombongan sejumlah RM13.09 juta.</li> </ul>
2.	Hasil Bukan Cukai	220.95	221.06	-0.11	-0.05	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penurunan kutipan Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit antaranya Lesen Pendudukan Sementara, Permit Pengalihan Batu-batan Lain dan Pelbagai Bayaran Yang Lain sejumlah RM13.80 juta.</li> <li>Penurunan Premium <i>Alienation</i> dan Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga masing-masing sejumlah RM11.53 juta dan RM1.36 juta.</li> </ul>
3.	Terimaan Bukan Hasil	213.24	100.86	112.38	111.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan sejumlah RM112.41 juta.</li> <li>Penerimaan Geran Persekutuan berjumlah RM118.28 juta.</li> <li>Terimaan Daripada Lain-lain Agensi berjumlah RM83.02 juta.</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>		<b>647.52</b>	<b>535.79</b>	<b>111.73</b>	<b>20.9</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 2**  
**KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.3. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri ialah Hasil Tanah, Hasil-hasil Lain, Geran Persekutuan, Hasil Hutan dan Hasil Air. Hasil-hasil lain yang diperoleh kerajaan negeri antaranya adalah bayaran pelbagai lesen dan permit, dividen saham syarikat tersiar harga, denda dan hukuman, terimaan bayaran balik pokok pinjaman, terimaan daripada lain-lain agensi dan sewaan. Pada tahun 2018, Hasil-hasil Lain, Geran Persekutuan dan Hasil Hutan meningkat masing-masing sejumlah RM62.69 juta, RM41.33 juta dan RM14.56 juta berbanding tahun 2017. Di antara faktor peningkatan Hasil-hasil Lain adalah kerana pertambahan Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman, Terimaan Daripada Lain-Lain Agensi, Deposit Tak Dituntut, Dividen Saham Syarikat Tak Tersiar Harga dan Faedah Atas Pinjaman Daripada Akaun Hasil Disatukan. Di antara faktor peningkatan Geran



**Hasil Utama  
2018**

Hasil Tanah  
**RM286.26 juta**

Persekutuan pula adalah disebabkan oleh pemberian yang tidak diperoleh pada tahun 2017 namun diterima pada tahun 2018 iaitu Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian I dan Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus. Peningkatan Hasil Hutan pula antaranya disebabkan oleh bayaran Premium Perhutanan dan Royalti Kayu Kayan. Hasil utama kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Tanah	286.26	288.80	-2.54	-0.9
2.	Hasil-hasil Lain	135.95	73.26	62.69	85.6
3.	Geran Persekutuan	118.28	76.95	41.33	53.7
4.	Hasil Hutan	104.27	89.71	14.56	16.2
5.	Hasil Air	2.76	7.07	-4.31	-61.0
<b>JUMLAH</b>		<b>647.52</b>	<b>535.79</b>	<b>111.73</b>	<b>20.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.4. Pada tahun 2018, empat (4) butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara berbanding tahun 2017 iaitu Terimaan daripada Lain-lain Agensi, Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus, Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian I dan Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Terimaan Daripada Lain-lain Agensi	83.01	15.38	67.63	439.7	Terimaan sumbangan daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang berjumlah RM80 juta.
2.	Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman	4.39	0.94	3.45	367.0	Terimaan Bayaran Balik Pokok Pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang berdasarkan penstruktur semula Jadual Bayaran Balik serta lain-lain terimaan bayaran pinjaman oleh Pihak Berkusa Tempatan dan Agensi.
3.	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	23.60	0.00	23.60	100.0	Tiada terimaan pada tahun 2017.
4.	Pemberian Pertumbuhan Hasil Bahagian I	14.33	0.00	14.33	100.0	Tiada terimaan pada tahun 2017. Pemberian ini diperoleh pada tahun 2018 kerana terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan berbanding tahun sebelumnya.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.3.5. Pada tahun 2018, tiga (3) butiran hasil mencatatkan penurunan ketara berbanding tahun 2017 iaitu Pelbagai Bayaran Yang Lain, Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu dan Royalti Air seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pelbagai Bayaran yang Lain	0.00	11.78	-11.78	-100.0	Tiada terimaan bayaran balik lebih pendapatan projek pada tahun 2018.
2.	Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu	1.69	5.55	-3.86	-69.5	Pelarasan bayaran balik pinjaman daripada Akaun Pendahuluan Persekutuan.
3.	Royalti Air	2.02	5.25	-3.23	-61.5	Penurunan hasil lesen dan caj penggunaan air mentah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

#### 6.4. Perbelanjaan Mengurus

6.4.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah perbelanjaan yang diperuntukkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan seperti bayaran untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian kerajaan negeri.

6.4.2. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Pada tahun 2018, anggaran Perbelanjaan Mengurus menurun sejumlah RM41.51 juta atau 5.5% berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**ANGGARAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	332.43	321.50	10.93	3.4	Peningkatan disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan serta Bantuan Khas Kewangan.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	161.97	158.29	3.68	2.3	Peningkatan disebabkan oleh perbelanjaan rawatan dan perubatan kepada pegawai dan tanggungan termasuk pesara kerajaan negeri telah dicaj kepada OS29000 mulai Januari 2018.
3.	Aset	5.87	4.69	1.18	25.2	Peningkatan disebabkan oleh pembelian peralatan jentera, kenderaan dan lain-lain aset.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	208.91	267.83	-58.92	-22.0	Penurunan perbelanjaan disebabkan oleh perbelanjaan rawatan dan perubatan kepada pegawai dan tanggungan termasuk pesara kerajaan negeri

BIL.	PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
						tidak lagi dicaj kepada OS42000. Selain itu, penjimatan bagi pemberian sumbangan dan peruntukan program di bawah YAB Menteri Besar.
5.	Perbelanjaan Lain	1.98	0.36	1.62	450.0	Peningkatan disebabkan oleh pulangan balik hasil kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ).
<b>JUMLAH</b>		<b>711.16</b>	<b>752.67</b>	<b>-41.51</b>	<b>-5.5</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.3. Pada tahun 2018, kod objek 15000 bagi Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan serta kod objek 27000 dan 47000 bagi Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang merupakan antara peruntukan yang dibelanjakan kurang daripada 50% dan paling rendah iaitu antara 1.2% hingga 2.1% seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PERUNTUKAN TAHUN 2018 YANG DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50 PERATUS**

BIL.	JABATAN	NAMA/KOD AKTIVITI	KOD OBJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN	
					JUMLAH (RM)	(%)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	Pentadbiran Am/ 100000	15000	17,000.00	360.00	2.1
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang	Pengurusan Kewangan/ 120000	47000	50,000.00	606.96	1.2
3.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang	Pengurusan Perakaunan/ 130000	27000	65,000.00	950.00	1.5

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

6.4.4. Selain itu, terdapat juga kod objek yang menerima peruntukan tambahan namun tidak dibelanjakan seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PERUNTUKAN TAMBAHAN TAHUN 2018 YANG TIDAK DIBELANJAKAN**

BIL.	JABATAN	NAMA/KOD AKTIVITI	KOD OBJEK	PERUNTUKAN				PERBELANJAAN	
				ASAL (RM)	TAMBAHAN (RM)	VIREMEN (RM)	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	(%)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	Pentadbiran Am/ 100000	35000	9,820.00	710,915.00	-505,700.00	215,035.00	9,726.20	4.5
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	Pengurusan Daerah/ 605000	15000	22,500.00	4,000.00	0.00	26,500.00	6,525.00	24.6

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

6.4.5. Peruntukan asal yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus tahun 2018 berjumlah RM700.04 juta. Peruntukan ini telah ditambah sejumrah RM11.12 juta menjadi RM711.16 juta selepas semakan semula. Perbelanjaan Mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 berjumlah RM633.58 juta atau 89.1% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM711.16 juta seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI**  
**PADA TAHUN 2018 BERBANDING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN**

BIL.	PERBELANJAAN MENGURUS	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	VARIANS (%)
1.	Emolumen	332.43	311.08	93.6
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	161.97	152.67	94.3
3.	Aset	5.87	3.23	55.0
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *	208.91	166.14	79.5
5.	Perbelanjaan Lain	1.98	0.46	23.2
<b>JUMLAH</b>		<b>711.16</b>	<b>633.58</b>	<b>89.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

Nota: (\*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM17.47 juta

6.4.6. Pada tahun 2018, Perbelanjaan Mengurus telah meningkat sejumlah RM19.67 juta atau 3.2% menjadi RM633.58 juta berbanding RM613.91 juta pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 15**.



**Perbelanjaan  
Mengurus  
2018**

---

**RM633.58 juta**

**JADUAL 15**  
**PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PERBELANJAAN MENGURUS	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	311.08	306.97	4.11	1.3
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	152.67	144.87	7.8	5.4
3.	Aset	3.23	4.51	-1.28	-28.4
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	* 166.14	157.21	8.93	5.7
5.	Perbelanjaan Lain	0.46	0.35	0.11	31.4
<b>JUMLAH</b>		<b>633.58</b>	<b>613.91</b>	<b>19.67</b>	<b>3.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (\*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM17.47 juta

6.4.7. Pada tahun 2018, perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan bagi Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Pahang meningkat dengan ketara sejumlah RM5.27 juta atau 560.6% berbanding tahun 2017. Hal ini berlaku disebabkan oleh perbelanjaan bagi rawatan dan perubatan kepada pegawai dan tanggungan termasuk pesara kerajaan negeri diambil kira dibawah kod objek 29000 bermula tahun 2018.

6.4.8. Bagaimanapun terdapat Perbelanjaan Mengurus yang menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN MENGURUS**  
**KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PERBELANJAAN MENGURUS	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
					(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	34.87	40.91	-6.04	-14.8	Gaji untuk empat (4) PTJ iaitu Kemasul, Belimbing, Bukit Sekilau dan Pejabat Silvikultur Negeri (PSN) Daerah Raub di bayar di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.
2.	Emolumen	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	6.47	11.58	-5.11	-44.1	Pengagihan Waran Peruntukan Kecil kepada PTJ yang berbaki negatif pada akhir tahun kewangan 2018 bagi tujuan pelarasian baki.
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	25.80	28.00	-2.20	-7.9	Pengurangan pemberian bantuan geran kepada Pihak Berkusa Tempatan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

#### **6.4.9. Bayaran di Bawah Arahan Perpendaharaan 58(a)**

- Arahan Perpendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/ perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/ perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- Pada tahun 2018, sejumlah RM214,920 telah dibayar di bawah AP 58(a), melibatkan 39 baucar bayaran berbanding 25 baucar bayaran berjumlah RM69,065 pada tahun 2017. Perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM145,855 atau 211.2% berbanding tahun 2017. Butiran pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	JABATAN	2018		2017	
		BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat KDYMM Sultan	10	76,752	0	0
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	10	52,563	8	20,823
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	2	50,401	0	0
4.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	10	30,136	5	13,992
5.	Dewan Negeri Pahang	6	3,976	8	10,065
6.	Jabatan Agama Islam	1	1,092	4	24,185
<b>JUMLAH</b>		<b>39</b>	<b>214,920</b>	<b>25</b>	<b>69,065</b>

Sumber: Laporan SPEKS

- c. Sebahagian besar perbelanjaan di bawah AP 58(a) adalah bayaran penyelenggaraan kenderaan rasmi, bekalan minyak kepada jabatan, bayaran balik dan pelarasan emolumen, elaun lebih masa, tuntutan elaun perjalanan, bayaran perkhidmatan memotong rumput, penyenggaraan sistem perumahan awam, bayaran perkhidmatan pembersihan, bayaran alat rawatan perubatan, sewa mesin fotostat, bayaran utiliti Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), elaun motosikal dan bekalan pejabat. Pembayaran di bawah AP 58(a) dibuat antaranya disebabkan oleh bil/tuntutan lewat diterima.
- d. Semakan lanjut mendapati tiga (3) baucar bayaran di bawah AP 58(a) dibayar selepas bulan Jun tahun 2018 seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18  
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) SELEPAS BULAN JUN TAHUN 2018**

BIL.	NOMBOR/TARIKH BAUCAR BAYARAN	JABATAN	PERIHAL	AMAUN (RM)
1.	V0001196/02.07.2018	Pejabat KDYMM Sultan Pahang	Bayaran penyenggaraan kenderaan rasmi	39,022
2.	V0009298/19.12.2018	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	Bayaran bil utiliti bulan November dan Disember 2017	12,289
3.	V0002568/27.11.2018	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	Bayaran pembiayaan pembelian alat ortopedik	6,042
<b>JUMLAH</b>				<b>57,353</b>

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Pahang

- e. Pihak Audit mendapati permohonan AP 58(a) tahun 2018 telah direkodkan ke dalam Daftar Permohonan AP 58(a) dan sistem SPEKS. Selain itu, peruntukan tahun 2018 adalah mencukupi bagi pembayaran di bawah AP 58(a) yang akan dibayar pada tahun 2019.

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan merupakan sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan kumpulan wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2018, sejumlah RM71.92 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai dua (2) projek kerajaan negeri. Sejumlah RM15.46 juta bagi projek bekalan air di bawah Kumpulan Wang Bekalan Air manakala

sejumlah RM56.46 juta lagi bagi membiayai pembangunan Pusat Pentadbiran Sultan Haji Ahmad Shah di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah mengenainya di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2018, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM336.15 juta iaitu menurun sejumlah RM11.85 juta atau 3.4% berbanding RM348 juta pada tahun 2017 seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-28.12	59.07	-87.19	-147.6
i. Kumpulan Wang Pembangunan	<b>-365.08</b>	<b>-358.70</b>	<b>-6.38</b>	<b>1.8</b>
ii. Kumpulan Wang Bekalan Air	<b>-266.85</b>	<b>-267.94</b>	<b>1.09</b>	<b>-0.4</b>
iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	<b>603.81</b>	<b>685.71</b>	<b>-81.90</b>	<b>-11.9</b>
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	139.69	100.31	39.38	39.3
c. Akaun Deposit	224.58	188.62	35.96	19.1
<b>JUMLAH</b>	<b>336.15</b>	<b>348.00</b>	<b>-11.85</b>	<b>-3.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.2. Analisis Audit mendapati penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 disebabkan oleh penurunan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM81.90 juta. Baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

### **8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 (Jadual Kedua dan Jadual Ketiga) yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

#### **8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan**

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan perbelanjaan pembangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Punca kewangan bagi kumpulan wang ini antaranya adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan serta pelbagai terimaan. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti yang ditetapkan dalam Akta 406 dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

##### **a. Prestasi Kewangan**

- Pada tahun 2018, kumpulan wang ini telah menerima sejumlah RM44.59 juta yang terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM17.47 juta, jualan aset modal berjumlah RM147,745 serta Pelbagai Terimaan meliputi Sewa Rumah Awam Kos Rendah sejumlah RM3.86 juta, Pemberian Persekutuan Bagi Perumahan Awam Kos Rendah

sejumlah RM164,648 dan Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup sejumlah RM22.95 juta.

- ii. Pada tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit berjumlah RM6.38 juta iaitu peningkatan sejumlah RM68.76 juta atau 91.5% berbanding defisit berjumlah RM75.14 juta pada tahun 2017. Pada akhir tahun 2018, Kumpulan Wang Pembangunan berbaki defisit sejumlah RM365.08 juta berbanding RM358.70 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**

**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-358.70	-283.56	-75.14	26.5
Terimaan	44.59	23.49	21.10	89.8
Perbelanjaan	50.97	98.63	-47.66	-48.3
Lebihan/Defisit	-6.38	-75.14	68.76	-91.5
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>-365.08</b>	<b>-358.70</b>	<b>-6.38</b>	<b>1.8</b>

Sumber: Rekod Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri

- iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 telah menurun sejumlah RM47.66 juta atau 48.3% menjadi RM50.97 juta berbanding RM98.63 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**

**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	8.50	19.03	-10.53	-55.3
2.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	6.17	4.49	1.68	37.4
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	13.97	19.62	-5.65	-28.8
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.87	2.87	-1.00	-34.8
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.95	1.49	-0.54	-36.2
6.	Jabatan Pertanian Negeri	4.59	7.45	-2.86	-38.4
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	2.50	3.78	-1.28	-33.9
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	7.57	10.01	-2.44	-24.4
9.	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri	4.59	28.90	-24.31	-84.1
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.26	0.99	-0.73	-73.7
<b>JUMLAH</b>		<b>50.97</b>	<b>98.63</b>	<b>-47.66</b>	<b>-48.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## b. Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-11

- i. Pada tahun 2018, peruntukan yang diluluskan bagi pelaksanaan projek di bawah RMKe-11 berjumlah RM69.83 juta dan sebanyak 161 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 11 jabatan adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN BAGI**  
**PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 PADA TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK DIRANCANG
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	8.52	30
2.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	6.26	13
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	14.03	17
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.87	27
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.96	1
6.	Jabatan Pertanian Negeri	4.60	27
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	2.51	9
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	8.00	20
9.	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri	4.59	3
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	0.26	3
11.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	18.23	11
<b>JUMLAH</b>		<b>69.83</b>	<b>161</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

- ii. Sehingga akhir tahun 2018, sebanyak 103 projek atau 63.9% telah siap sepenuhnya, 12 projek atau 7.5% sedang dilaksanakan dan 46 projek atau 28.6% ditangguhkan/ belum mula. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 23** dan **Carta 4**.


**JADUAL 23**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK DIRANCANG	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	TANGGUH/ BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	30	21	2	7
2.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	13	6	-	7
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	17	13	-	4
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	27	24	-	3
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	1	-	-
6.	Jabatan Pertanian Negeri	27	22	-	5
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	9	5	3	1
8.	Jabatan Agama Islam Negeri	20	2	3	15
9.	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri	3	2	-	1

BIL.	JABATAN	BILANGAN PROJEK DIRANCANG	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	TANGGUH/ BELUM MULA
10.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	3	1	-	2
11.	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)	11	6	4	1
<b>JUMLAH</b>		<b>161</b>	<b>103</b>	<b>12</b>	<b>46</b>

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

#### CARTA 4 PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 TAHUN 2018



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

- iii. Pada tahun 2018, sebanyak 46 projek yang dirancang telah ditangguh/tidak dapat dimulakan kerana ketiadaan peruntukan. Butiran projek yang ditangguh/masih belum dimulakan adalah seperti dalam **Jadual 24**.

#### JADUAL 24 PROJEK RMKe-11 TAHUN 2018 YANG MASIH BELUM DIMULAKAN

BIL.	JABATAN/NAMA PROJEK	KOS (RM)
<b>P02 – PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN</b>		
1.	Kajian Impak Pengukuran Kejayaan dan Kesampaian Program Pembangunan Usahawan Negeri Pahang	10.00
2.	Membina dan Menaiktaraf Rumah Bot di Balok	10.00
3.	Bina Baru Pejabat/Rumah Pentadbiran Mukim	10.00
4.	Pemasangan Sistem Solar Photovoltaic (PV) di Bangunan Gimnasium dan Lapang Sasar Menembak	10.00
5.	Pembangunan Sosio Ekonomi bagi 11 Daerah	10.00
6.	Penggantian, Naik Taraf dan Selenggaraan Mesin/ Peralatan Makmal Sedia Ada dan Makmal Baharu	10.00
7.	Program-Program Pelancongan	10.00
<b>P03 – PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI</b>		
8.	Membina Bangunan Baru Perpustakaan Awam Daerah Maran	10.00
9.	Membalik pulih Bangunan Muzium Seni Pahang, Kuantan	10.00
10.	Mewujudkan Muzium Al-Quran	10.00
11.	Membalik pulih Istana Leban Tunggal, Pekan	10.00
12.	Membalik pulih Istana Mangga Tunggal, Pekan	10.00

BIL.	JABATAN/NAMA PROJEK	KOS (RM)
13.	Mewujudkan Muzium Orang Asli di Permatang Keledang, Pekan	10.00
14.	Menaiktaraf Padang Golf Diraja Pahang, Kuantan	10.00
<b>P06 – JABATAN KERJA RAYA NEGERI</b>		
15.	Pembinaan Rumah Khas Jawatan Jurutera Daerah, JKR Maran	10.00
16.	Membina Baru Istana Permai, Pekan	10.00
17.	Pembinaan Galeri Istana Tengku Mahkota, Kuantan	10.00
18.	Mengganti Jambatan dan Jambatan Bailey seluruh Negeri Pahang	10.00
<b>P07 – JABATAN PERHUTANAN NEGERI</b>		
19.	Penubuhan Bench Mark dalam Hutan Simpanan Kekal	10.00
20.	Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Hutan	10.00
21.	Pembangunan Balai Pemeriksaan Hutan Bergerak	10.00
<b>P08 – JABATAN PERTANIAN NEGERI</b>		
22.	Pemulihan Projek Buah-Buahan	10.00
23.	Pembangunan TKPM Baru	10.00
24.	Pembangunan Teknologi Florikultur	10.00
25.	Pembangunan Kawasan Agrotourism	10.00
26.	Pembinaan Kompleks MOA Inc di Daerah Pekan	10.00
<b>P10 – JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI</b>		
27.	Projek Pembinaan Pejabat Baru JPS Lipis	10.00
<b>P24 – JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI</b>		
28.	Pengambilan Balik Tanah	10.00
29.	Membina Kuarters Kakitangan Masjid di Bukit Fraser	10.00
30.	Membina Kuarters Guru Kelas C SMA Al-Ihsan Kuantan	10.00
31.	Membina Kuarters Guru Kelas C SMA Pelangai Bentong	10.00
32.	Pembesaran Asrama SMA Chenor	10.00
33.	Membina SMA Dong Raub	10.00
34.	Bina Dapur dan Dewan Makan Asrama Putera dan Asrama Puteri SMA Guai Temerloh	10.00
35.	Pembinaan Dewan Serbaguna SMA Padang Tengku Lipis	10.00
36.	Pembinaan Sekolah Agama Negeri Pahang	10.00
37.	Menaiktaraf Rumah Kakitangan Masjid PAID Lipis	10.00
38.	Membina Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Maran dan 1 Unit Kuarters Kelas C	10.00
39.	Pembinaan Surau-Surau	10.00
40.	Membina Masjid Baru Masjid Al-Hidayah Alor Akar Kuantan	10.00
41.	Membina Masjid Baru Masjid Al-Fatah Bt.3 Kuantan	10.00
42.	Membina Baru Masjid Mentara Lipis	0.00
<b>P27 – Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri</b>		
43.	Projek-Projek Kecil Negeri	20.00
<b>P29 – Jabatan Kehakiman Syariah Negeri</b>		
44.	Membina Bangunan MRS Temerloh	10.00
45.	Pembinaan Bangunan Baru MTS/MRS Bentong	10.00
<b>P30 – Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (Projek Bekalan Air)</b>		
46.	Bekalan Air Pulau Tioman	10.00

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

### 8.3.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta 230 (Akta Kumpulan Wang Bekalan Air). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan berkaitan bekalan air. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima pinjaman sejumlah RM15.46 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2018, baki Kumpulan Wang Bekalan Air menunjukkan pengurangan defisit sejumlah RM1.09 juta atau 0.4% menjadi RM266.85 juta berbanding RM267.94 juta pada tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-267.94	-252.41	-15.53	6.2
Terimaan	15.46	40.12	-24.66	-61.5
Perbelanjaan	14.37	55.65	-41.28	-74.2
Lebihan/Defisit	1.09	-15.53	16.62	-107.0
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>-266.85</b>	<b>-267.94</b>	<b>1.09</b>	<b>-0.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

### 8.3.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Pada akhir tahun 2018, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM603.82 juta menurun sejumlah RM81.89 juta atau 11.9% berbanding RM685.71 juta pada tahun 2017.
- Faktor utama penurunan ini antaranya disebabkan oleh penurunan baki Akaun Penyelesaian iaitu pengurangan Akaun Kena Bayar dan tiada pendahuluan baharu dibuat serta hanya melibatkan pembayaran balik pendahuluan kepada Kerajaan Persekutuan. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**BAKI PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	233.98	298.87	-64.89	-21.7
2.	Akaun Pinjaman	123.38	117.48	5.90	5.0
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	10.00	10.00	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	236.46	259.36	-22.90	-8.8
<b>JUMLAH</b>		<b>603.82</b>	<b>685.71</b>	<b>-81.89</b>	<b>-11.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## c. Akaun Penyelesaian

### i. Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan

- Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan, Pinjaman Fasiliti dan Pendahuluan Penganjuran SUKMA. Pada 31 Disember 2018, baki Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM212.79 juta berbanding RM241.95 juta pada tahun 2017. Penurunan sejumlah RM29.16 juta adalah kerana pembayaran balik bagi tahun 2018 berjumlah RM26.60 juta dan bayaran balik pinjaman fasiliti bagi tahun 2017 yang dibayar pada bulan Januari 2018 berjumlah RM2.56 juta adalah seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**  
**BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARI**  
**KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	JENIS AKAUN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	BAYARAN BALIK TAHUN 2018 (RM Juta)
1.	Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan	115.69	132.22	16.53
2.	Pinjaman Fasiliti	80.70	89.23	8.53
3.	Pendahuluan Penganjuran SUKMA	16.40	20.50	4.10
<b>JUMLAH</b>		<b>212.79</b>	<b>241.95</b>	<b>29.16</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 Dan 2017

- Pada akhir tahun 2018, baki akaun Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM115.69 juta. Bayaran balik telah dibuat sejumlah RM16.53 juta melalui *offset* dengan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Mengikut Bilangan Orang sejumlah RM3.70 juta, Pemberian di Bawah Senarai Bersama sejumlah RM4 juta, Bayaran Perkhidmatan sejumlah RM4 juta dan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup sejumlah RM4.83 juta. Pembayaran balik melalui *offset* dengan pemberian Kerajaan Persekutuan ini adalah bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2016 hingga 2025.
- Selain itu, baki bayaran balik akaun Pendahuluan Penganjuran SUKMA pada akhir tahun 2018 berjumlah RM16.40 juta juga dibuat melalui *offset* dengan Pemberian di Bawah Senarai Bersama dan Bayaran Perkhidmatan masing-masing berjumlah RM2 juta dan RM2.1 juta. Pembayaran balik melalui *offset* dengan pemberian Kerajaan

Persekutuan ini adalah bagi tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2013 hingga 2022.

- Perjanjian pinjaman fasiliti berjumlah RM100 juta menetapkan kerajaan negeri perlu membayar balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual bayaran balik yang telah dipersetujui iaitu selama 15 tahun tanpa faedah. Berdasarkan jadual bayaran balik, kerajaan negeri perlu membuat pembayaran balik sejumlah RM6.67 juta setahun. Bagi tujuan ini kerajaan negeri telah mencagarkan 10 juta unit saham miliknya dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa (M) Berhad (MISC) untuk dijadikan sebahagian daripada bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, pembayaran balik telah dibuat secara *offset* dengan dividen daripada MISC berjumlah RM3 juta manakala baki sejumlah RM3.67 juta dibayar melalui peruntukan kerajaan negeri.
- Sehingga akhir tahun 2018 tiada tunggakan bayaran balik bagi ketiga-tiga akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan.

## **ii. Akaun Kena Bayar**

Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan kerajaan negeri kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang diperoleh sehingga 31 Disember tahun semasa dan bayarannya dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2018, pembayaran di bawah AKB berjumlah RM16.61 juta menurun sejumlah RM35.53 juta atau 68.1% berbanding RM52.14 juta pada tahun 2017. Sebanyak 29 jabatan terlibat dalam pembayaran AKB pada tahun 2018. Antara jenis perbelanjaan yang terlibat adalah bayaran ansuran pinjaman fasiliti Kerajaan Persekutuan, bayaran rawatan dan perubatan, bayaran utiliti, tuntutan perjalanan, elauan lebih masa dan bayaran perkhidmatan/ bekalan lain.

## **iii. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri**

- Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri diwujudkan untuk membiayai kos berkaitan penyelenggaraan jalan-jalan negeri. Pada tahun 2018, baki kumpulan wang amanah ini berjumlah RM144.51 juta iaitu menurun sejumlah RM16.23 juta atau 10.1% berbanding RM160.74 juta pada tahun 2017. Terimaan kumpulan wang amanah ini meningkat sejumlah RM7.12 juta atau 3% yang terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan sejumlah RM7.10 juta dan

pelbagai terimaan sejumlah RM19,768. Perbelanjaan kumpulan wang amanah ini juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM50.27 juta atau 24% menjadi RM259.96 juta berbanding RM209.69 juta pada tahun 2017. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**  
**BAKI KUMPULAN WANG AMANAH PENYELENGGARAAN**  
**JALAN-JALAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	160.74	133.82	26.92	20.1
Terimaan	243.73	236.61	7.12	3.0
Perbelanjaan	259.96	209.69	50.27	24.0
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>144.51</b>	<b>160.74</b>	<b>-16.23</b>	<b>-10.1</b>
Penggunaan (%)	106.7	88.6		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- Mengikut rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) terdapat 19,313.585 kilometer panjang jalan di Negeri Pahang merangkumi Jalan Negeri Utama, Jalan Bandaran, Jalan Perumahan, Lorong Belakang Perumahan, Jalan Kampung dan Jalan Pertanian. Penyenggaraan jalan tersebut dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu jalan yang disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Syarikat YP Maintenance Sdn. Bhd., Syarikat Muhibah Sdn. Bhd., Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

#### 8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.4.1. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan kumpulan wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan di mana Pegawai Pengawal yang mengendalikan kumpulan wang ini dikehendaki mengemukakan penyata tahunan untuk pemeriksaan dan pengesahan oleh Jabatan Audit Negara secepat mungkin selepas 31 Disember setiap tahun dan tidak lewat dari 31 Mac tahun berikutnya. Kesemua 23 penyata Kumpulan Wang Amanah Awam dan penyata penyesuaianya telah diterima untuk diaudit. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2018 berjumlah RM139.69 juta berbanding RM100.31 juta pada tahun 2017 meningkat sejumlah RM39.38 juta atau 39.3% adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**  
**BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

<b>PERKARA</b>	<b>2018</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>2017</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>		
Baki Pada 1 Januari	100.31	131.82	-31.51	-23.9
Penerimaan	90.57	231.85	-141.28	-60.9
Pembayaran	51.19	263.36	-212.17	-80.6
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>139.69</b>	<b>100.31</b>	<b>39.38</b>	<b>39.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.4.2. Pada tahun 2018, dua (2) Akaun Amanah Awam telah ditutup iaitu Akaun Amanah Pungutan Sewa Gerai dan Gerai Industri Desa Daerah serta Akaun Amanah Bantuan Negeri Pahang. Baki Akaun Amanah Pungutan Sewa Gerai dan Gerai Industri Desa Daerah berjumlah RM51,527 telah dikreditkan ke Akaun Hasil manakala baki Akaun Amanah Bantuan Negeri Pahang berjumlah RM1.17 juta telah dikreditkan ke Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Negeri Pahang.

8.4.3. Arahan Amanah Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) menyatakan tujuan akaun ini ditubuhkan adalah untuk mengakaunkan sumbangan yang diterima daripada PSK bagi membiayai penganjuran program serta perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan agensi Kerajaan Negeri Pahang. Perbelanjaan bagi akaun amanah yang disebut dalam arahan amanah adalah perbelanjaan untuk penganjuran program/ latihan, pembelian, penyewaan peralatan atau aset, kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Bagaimanapun Penyata Terimaan dan Bayaran menunjukkan perbelanjaan yang terbesar akaun amanah ini adalah pelarasan bayaran tuntutan prosiding adjudikasi ke Akaun Pinjaman Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) berjumlah RM8.23 juta, pelarasan bagi menampung kekurangan baki akaun Penyelesaian Amanah iSPEKS berjumlah RM10.98 juta dan pelarasan sumbangan PSK kepada kerajaan negeri berjumlah RM10 juta.

## **8.5. Akaun Deposit**

8.5.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan semula sebaik sahaja selesai maksudnya. Pengurusan akaun deposit adalah mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163 yang juga menghendaki Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pada akhir tahun 2018, Kerajaan Negeri Pahang mempunyai 18 jenis Akaun Deposit Am yang diselenggarakan oleh 42 Pusat Tanggungjawab (PTJ).

8.5.2. Pada akhir tahun 2018, baki akaun deposit kerajaan negeri berjumlah RM224.58 juta berbanding RM188.62 juta pada akhir tahun 2017 iaitu meningkat sejumrah RM35.96 juta atau 19.1%. Antara punca peningkatan deposit adalah disebabkan peningkatan Akaun Deposit Pelbagai bagi Jabatan Kerja Raya Negeri sejumrah RM33.54 juta menjadikan deposit tersebut berjumlah RM56.65 juta pada akhir tahun 2018 berbanding RM23.11 juta pada akhir tahun 2017. Perkara ini adalah kerana peningkatan permohonan kerja gorek gali jalan dan lesen pendudukan sementara yang diterima pada tahun 2018. Selain itu, peningkatan Akaun Deposit Tanah bagi Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands sejumrah RM9.09 juta menjadikan deposit tersebut berjumlah RM15.60 juta pada akhir tahun 2018 berbanding RM6.51 juta pada akhir tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan pembayaran deposit oleh Tenaga Nasional Berhad bagi pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960. Baki Akaun Deposit Am pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**  
**BAKI AKAUN DEPOSIT AM PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AKAUN DEPOSIT AM	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Pelbagai	59.32	25.56	33.76	132.1
2.	Deposit Royalti Kayu Kayan	91.63	82.10	9.53	11.6
3.	Deposit Pematuhan Syarat-Syarat Tenemen Mineral	21.00	17.40	3.60	20.7
4.	Deposit Pawagam	0.31	0.11	0.20	181.8
5.	Deposit Wang Jaminan Pelepasan Bagi Kesalahan Undang-undang	0.52	0.46	0.06	13.0
6.	Pelbagai Deposit Am	51.80	62.99	-11.19	-17.8
<b>JUMLAH</b>		<b>224.58</b>	<b>188.62</b>	<b>35.96</b>	<b>19.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti kerajaan yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan negeri yang terdiri daripada Hutang Awam iaitu hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan institusi kewangan. Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2018 menunjukkan kerajaan negeri mempunyai aset kewangan berjumlah RM1.042 bilion manakala liabiliti pula berjumlah RM3.052 bilion.

## 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, baki pokok Pinjaman Boleh Dituntut daripada sumber Kerajaan Persekutuan berjumlah RM193.49 juta menurun sejumrah RM4.39 juta atau 2.2% berbanding RM197.88 juta pada tahun 2017.

9.1.2. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pokok pinjaman berjumlah RM4.39 juta pada tahun 2018 oleh agensi negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang sejumrah RM1.53 juta, Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) sejumrah RM0.50 juta dan Pihak Berkuasa Tempatan sejumrah RM2.36 juta. Baki pinjaman boleh dituntut kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

**JADUAL 31**  
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**  
**KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	126.86	128.39	-1.53	-1.2
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	22.20	22.70	-0.50	-2.2
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	44.43	46.79	-2.36	-5.0
<b>JUMLAH</b>		<b>193.49</b>	<b>197.88</b>	<b>-4.39</b>	<b>-2.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berjumlah RM848.80 juta adalah sama seperti pada tahun 2017. Perkara ini disebabkan tiada pembelian atau penjualan saham dalam tahun semasa. Baki pelaburan saham kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**  
**BAKI PELABURAN SAHAM KERAJAAN**  
**NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	SYARIKAT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	829.96	829.96		
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	16.51	16.51		
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	2.10	2.10		
4.	Axiata Group Bhd.	0.23	0.23		
<b>JUMLAH</b>		<b>848.80</b>	<b>848.80</b>		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.2.2. Pada tahun 2018, pulangan dividen yang diterima oleh kerajaan negeri berjumlah RM81,673 menurun sejumrah RM10.94 juta atau 99.3% berbanding RM11.02 juta pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB) tidak mengisyiharkan dividen pada tahun 2018 kerana FGVHB mencatatkan kerugian sejumlah RM1.079 bilion. Kerajaan negeri hanya menerima dividen daripada pelaburan dalam syarikat Axiata Group Berhad berjumlah RM81,673 dengan peningkatan sejumrah RM4,804 atau 14.3% berbanding RM76,869 pada tahun 2017. Pulangan dividen ke atas pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 33** dan **Carta 5**.

**JADUAL 33**  
**PULANGAN DIVIDEN KE ATAS**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BIL.	SYARIKAT	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Axiata Group Berhad	0.20	0.13	0.16	0.08	0.08
2.	Felda Global Ventures Holdings Berhad	29.19	10.94	3.65	10.94	0.00
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	<sup>1</sup> 0.00	<sup>2</sup> 0.00	0.00	0.00	0.00
4.	Amanah Saham Pahang Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>		<b>29.39</b>	<b>11.07</b>	<b>3.81</b>	<b>11.02</b>	<b>0.08</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

Nota: <sup>1</sup> – RM3,195      <sup>2</sup> – RM1,156

**CARTA 5**  
**PULANGAN DIVIDEN KE ATAS**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

9.2.3. Nilai pasaran bagi saham dalam Axiata Group Berhad pada tahun 2018 meningkat sejumrah RM3.55 juta atau 1,543.5% berbanding nilai buku. Peningkatan ketara ini berlaku disebabkan oleh kerajaan negeri menerima saham tersebut secara *Bonus Issue* dan unit pegangan bertambah hasil daripada pelaburan semula dividen yang diterima. Butiran seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**  
**NILAI PASARAN PELABURAN SAHAM**  
**KERAJAAN NEGERI DALAM AXIATA GROUP BERHAD BERBANDING NILAI BUKU**

SYARIKAT	UNIT PEGANGAN	NILAI BUKU		NILAI PASARAN		PERBEZAAN	
		HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Axiata Group Berhad	* 915,000	0.00	0.00	3.93	3.78	3.55	1,543.5
	13,189	5.55	0.07				
	22,871	4.87	0.11				
	9,804	4.85	0.05				
<b>Jumlah</b>	<b>960,864</b>	-	<b>0.23</b>				

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

Nota: (\*) -Saham diterima secara *Bonus Issue* dan unit pegangan bertambah melalui pelaburan semula dividen yang diterima

#### 9.2.4. Saham Felda Global Ventures Holdings Berhad

- Kerajaan negeri telah membeli 182,407,575 unit saham FGVHB pada bulan Jun 2012 dengan harga RM4.55 seunit. Nilai kos pelaburan yang berjumlah RM829.95 juta ini diperoleh menggunakan sumber kewangan yang terdiri daripada sumbangan FELDA berjumlah RM250 juta, pinjaman daripada Maybank Islamic Berhad berjumlah RM500.78 juta dan pendahuluan daripada enam (6) agensi kerajaan negeri berjumlah RM79.17 juta seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**  
**SUMBER KEWANGAN BAGI PELABURAN**  
**KERAJAAN NEGERI DALAM FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD**

BIL.	PEGANGAN	UNIT SAHAM	NILAI BUKU (RM Juta)
1.	Kerajaan Negeri (Sumbangan FELDA)		250.00
2.	Maybank Islamic Berhad (Pinjaman)	165,007,575	500.78
3.	Pendahuluan daripada Agensi Kerajaan Negeri	17,400,000	79.17
	i. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang		
	ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang		
	iii. Yayasan Pahang		
	iv. YP Plantation Holding Sdn. Bhd.		
	v. Amanah Saham Pahang Bhd.		
	vi. TMB @ Kreatif Selaras Sdn. Bhd.		
<b>Jumlah</b>		<b>182,407,575</b>	<b>829.95</b>

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

- Pinjaman kerajaan negeri berjumlah RM500.78 juta daripada Maybank Islamic Berhad bagi menampung pembelian saham FGVHB ini dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 28 Mac 2014. Terma dan syarat perjanjian telah diluluskan pada 13 September 2013. Bayaran balik berdasarkan kepada tuntutan daripada pihak Maybank Islamic Berhad. Perkara ini disebabkan panggilan margin akan dibuat untuk mengimbangi nilai cagaran dan nilai saham semasa.

- c. Selain itu, berdasarkan kepada perenggan 5.4 perjanjian antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Maybank Islamic Berhad (*Master Commodity Murabahah Financing Agreement*), faedah dan pokok pinjaman boleh dibayar antaranya daripada dividen yang diterima daripada saham FGVHB. Perenggan 3.5 perjanjian antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Maybank Islamic Berhad (*Assignment and Charge*), pula menyatakan pihak bank mempunyai kuasa untuk *set-off* amaun faedah pinjaman daripada dividen yang dikreditkan ke *Collection Account* yang diwujudkan oleh pihak bank.
- d. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pokok pinjaman sejumlah RM40 juta dan bayaran faedah sejumlah RM10.51 juta. Bayaran tersebut melibatkan peruntukan kerajaan negeri dan dividen saham FGVHB yang diterima. Baki pokok pinjaman pada akhir tahun 2018 adalah sejumlah RM140 juta.
- e. Sehingga akhir tahun 2018, jumlah dividen yang diterima oleh kerajaan negeri daripada FGVHB dari tahun 2013 berjumlah RM91.10 juta dan tiada dividen yang diterima bagi tahun kewangan 2018. Bagaimanapun faedah pinjaman yang telah dibayar berjumlah RM115.97 juta. Perkara ini boleh memberi implikasi besar kepada kedudukan kewangan kerajaan negeri kerana hasil daripada dividen ini tidak dapat menampung walaupun hanya bagi bayaran faedah pinjaman.
- f. Pembayaran pokok pinjaman, bayaran faedah pinjaman dan dividen yang diterima oleh kerajaan negeri sehingga akhir tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**  
**PEMBAYARAN POKOK DAN FAEDAH PINJAMAN SERTA DIVIDEN YANG**  
**DITERIMA BAGI PELABURAN DALAM FGVHB SEHINGGA AKHIR TAHUN 2018**

TAHUN	BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN FAEDAH PINJAMAN (RM Juta)	DIVIDEN DITERIMA (RM Juta)
2012	<i>Grace Period</i>	500.78	<i>Grace Period</i>	9.93
2013	<i>Grace Period</i>	500.78	26.14	26.45
2014	<i>Grace Period</i>	500.78	25.22	29.19
2015	219.78	281.00	26.14	10.94
2016	61.00	220.00	22.92	3.65
2017	40.00	180.00	5.04	10.94
2018	40.00	140.00	10.51	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>360.78</b>	-	<b>115.97</b>	<b>91.10</b>

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

- g. Kerajaan negeri juga tidak boleh menjual saham FGVHB ini kerana harga pasaran yang rendah selain telah dicagarkan kepada Maybank Islamic Berhad

bagi mendapatkan pinjaman untuk membiayai perolehan saham tersebut pada tahun 2012. Rosot nilai pelaburan FGVHB pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM699.53 juta berdasarkan harga pasaran RM0.715 seunit seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**  
**NILAI PASARAN PELABURAN SAHAM**  
**KERAJAAN NEGERI DALAM FGVHB BERBANDING NILAI BUKU**

UNIT PEGANGAN	NILAI BUKU		NILAI PASARAN PADA 31 DISEMBER 2018		PERBEZAAN	
	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
182,407,575	4.55	829.95	0.715	130.42	-699.53	-84.3

Sumber: Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

- h. Pada tahun 2018, terimaan dividen sejumlah RM9.12 juta bagi tahun 2017 telah dikreditkan ke *Collection Account*. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.89 juta telah di *set-off* daripada *Collection Account* bagi bayaran faedah pinjaman dan baki sejumlah RM3.23 juta telah dikreditkan ke akaun kerajaan negeri. Bagaimanapun, tiada rekod bagi RM5.89 juta sebagai hasil dividen dalam penyata kewangan. Hal ini disebabkan oleh penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang menggunakan asas tunai dan pelaburan saham FGVHB merupakan pelaburan yang dilaporkan di bawah Penyata Akaun Memorandum. Pendedahan dan pengiktirafan di peringkat awal adalah perlu bagi memastikan pelaporan adalah tepat.
- i. Pada tahun 2016, tiga (3) agensi kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Yayasan Pahang dan YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. telah bersetuju untuk menukar pendahuluan berjumlah RM65.52 juta serta dividen terkumpul yang berjumlah RM1.76 juta sebagai pemberian kepada kerajaan negeri.
- j. Mengikut perjanjian antara kerajaan negeri dengan dua (2) agensi pemegang saham FGVHB iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Amanah Saham Pahang Berhad bertarikh 20 Ogos 2018, dividen terkumpul yang masing-masing berjumlah RM500,000 sehingga 31 Disember 2018 dikontrakan dengan hutang agensi dengan kerajaan negeri. Perjanjian antara kerajaan negeri dengan Tanah Makmur Berhad (TMB) pula menetapkan bahagian dividen milik TMB diagihkan kepada TMB. Tempoh perjanjian ini adalah selama 10 tahun iaitu berkuat kuasa mulai 22 Jun 2012 hingga 21 Jun 2022. Bagaimanapun, syarat perjanjian tersebut masih belum dilaksanakan sehingga akhir tahun 2018.

### 9.3. Hutang Awam

9.3.1. Hutang Awam Kerajaan Negeri terdiri daripada hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan dan hutang kepada institusi kewangan bagi membiayai pelaburan. Pada tahun 2018, baki Hutang Awam kerajaan negeri menurun sejumlah RM105.65 juta atau 3.3% menjadi RM3.052 bilion berbanding RM3.158 bilion pada tahun 2017. Penurunan ini disebabkan oleh kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menghapus kira Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar tahun 2000 dan sebelumnya berdasarkan baki pinjaman pada 31 Disember 2017 yang berjumlah RM136.30 juta.

9.3.2. Selain itu, kerajaan negeri juga telah membuat bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sejumlah RM0.90 juta dan sejumlah RM40 juta kepada institusi kewangan bagi bayaran balik pinjaman berkaitan pembelian saham FGVHB. Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**  
**BAKI HUTANG AWAM**  
**KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PEMBIAYA/TUJUAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
<b>KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>					
1.	Projek Bekalan Air	2,080.42	2,201.27	-120.85	-5.5
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	285.52	285.52	0.00	0.0
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	123.46	124.72	-1.26	-1.0
4.	Projek Pelbagai	422.98	366.52	56.46	15.4
<b>INSTITUSI KEWANGAN</b>		140.00	180.00	-40.00	-22.2
<b>JUMLAH</b>		<b>3,052.38</b>	<b>3,158.03</b>	<b>-105.65</b>	<b>-3.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.3.3. Kerajaan negeri hanya mempunyai tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan. Baki tunggakan termasuk faedah pinjaman ini meningkat sejumlah RM41.14 juta atau 3.4% menjadi RM1.266 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.225 bilion pada tahun 2017.

9.3.4. Pada tahun 2018, tunggakan bayaran balik bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah meningkat sejumlah RM18.60 juta kerana tiada bayaran balik dibuat. Selain itu, tunggakan bayaran balik bagi Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri juga meningkat kerana bayaran anuiti tidak dibayar secara penuh. Bayaran balik hanya di buat bagi Projek Pembinaan 13 Unit Kedai 2 Tingkat di Peramu, Pekan berjumlah RM0.51 juta dan Projek Pembinaan 18 Unit Kedai 2 dan 3

Tingkat di Indera Mahkota berjumlah RM385,599 pada tahun 2018 dan RM370,768 bagi AKB tahun 2017.

9.3.5. Tunggakan bayaran balik bagi Projek Pelbagai juga meningkat kerana bayaran anuiti tidak dibayar secara penuh. Bayaran hanya dibuat bagi pinjaman Membangun Keperluan Bagi Menangani Kedudukan Kewangan Negeri Pahang yang berjumlah RM8.53 juta dan pelarasan mata wang asing bagi Pinjaman Ladang Hutan Kompensatori Kedua berjumlah RM7,215. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**  
**HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	940.40	949.44	-9.04	-1.0
2.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	135.80	117.20	18.60	15.9
3.	Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	71.25	63.13	8.12	12.9
4.	Projek Pelbagai	118.72	95.26	23.46	24.6
<b>JUMLAH</b>		<b>1,266.17</b>	<b>1,225.03</b>	<b>41.14</b>	<b>3.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

### 10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89A yang menetapkan setiap Pegawai Pengawal perlu menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Akauntan Negeri dengan salinannya ke Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008, juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri Tahun 2018 telah

menetapkan juga kewajipan untuk mengemukakan Penyata Akaun Belum Terima selewat-lewatnya pada 31 Januari 2019.

10.1.2. Akaun Belum Terima kerajaan negeri meningkat sejumlah RM10.49 juta atau 12.9% menjadi RM91.75 juta pada tahun 2018 berbanding RM81.26 juta pada tahun 2017. Lima (5) jabatan yang mempunyai Akaun Belum Terima tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**  
**AKAUN BELUM TERIMA TERTINGGI**  
**MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang	5.20	0.25	4.95	1,980.0
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	40.37	35.81	4.56	12.7
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	4.31	3.39	0.92	27.1
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	3.60	2.73	0.87	31.9
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	4.44	3.89	0.55	14.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

10.1.3. Tunggakan cukai tanah merupakan 84% daripada jumlah keseluruhan Akaun Belum Terima pada tahun 2018. Tunggakan cukai tanah meningkat sejumlah RM6.43 juta atau 9.1% menjadi RM77 juta pada tahun 2018 berbanding RM70.57 juta pada tahun 2017. Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands mencatatkan peningkatan tunggakan yang tertinggi iaitu sejumlah RM493,982 atau 136.1% menjadi RM0.85 juta berbanding RM357,873 pada tahun 2017. Pejabat Daerah dan Tanah Bentong pula mencatatkan penurunan sejumlah RM0.75 juta atau 18.1% menjadi RM3.40 juta berbanding RM4.15 juta pada tahun 2017. Butiran tunggakan cukai tanah mengikut jabatan pada akhir tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**  
**TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT**  
**JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	40.37	35.76	4.61	12.9
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Pekan	4.28	3.37	0.91	27.0
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Bera	3.60	2.73	0.87	31.9
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	4.44	3.84	0.60	15.6
5.	Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands	0.85	0.36	0.49	136.1
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Raub	3.76	3.32	0.44	13.3
7.	Pejabat Daerah dan Tanah Maran	3.53	3.13	0.40	12.8
8.	Pejabat Daerah dan Tanah Lipis	1.78	1.77	0.01	0.6

BIL.	JABATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
9.	Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh	4.70	4.87	-0.17	-3.5
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Bentong	3.40	4.15	-0.75	-18.1
11.	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	6.29	7.27	-0.98	-13.5
<b>JUMLAH</b>		<b>77.00</b>	<b>70.57</b>	<b>6.43</b>	<b>9.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 11. RUMUSAN AUDIT

- 11.1. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2018 adalah stabil.
- 11.2. baki Kumpulan Wang Disatukan kerajaan negeri berjumlah RM121.72 juta pada akhir tahun 2018 iaitu meningkat sejumlah RM2.09 juta daripada RM119.63 juta pada akhir tahun 2017;
- 11.3. baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan kurangan sejumlah RM13.94 juta atau 6.1% menjadikan baki kurangan terkumpul berjumlah RM214.43 juta pada tahun 2018 berbanding RM228.37 juta pada tahun 2017;
- 11.4. Perbelanjaan Mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 mencatat peningkatan sejumlah RM19.67 juta atau 3.2% menjadi RM633.58 juta berbanding RM613.91 juta pada tahun 2017;
- 11.5. tiada penambahan atau penurunan baki pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 yang berjumlah RM112.12 juta berbanding tahun 2017;
- 11.6. kutipan hasil meningkat sejumlah RM111.73 juta atau 20.9%;
- 11.7. tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut agensi negeri menurun sejumlah RM8.03 juta atau 4.6%; dan
- 11.8. tunggakan bayaran balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM41.14 juta atau 3.4% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017.

## **12. SYOR AUDIT**

Untuk menambah baik prestasi kewangan, kerajaan negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

12.1. usaha bagi meningkatkan kutipan hasil negeri hendaklah diberi perhatian supaya sumber pendapatan dapat diperoleh secara berterusan serta dapat menampung Perbelanjaan Mengurus dan tanggungan semasa; dan

12.2. Kerajaan negeri hendaklah meneruskan amalan perbelanjaan secara berhemat, berusaha mengutip tunggakan hasil dan bayaran balik pinjaman bagi memperkuatkukan kedudukan kewangan kerajaan negeri.



# BAHAGIAN III

---

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI



### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI**

<b>PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018</b>	<b>Bilangan Agensi Negeri</b> <b>9</b> Badan Berkanun Negeri <b>11</b> Pihak Berkuasa Tempatan <b>1</b> Majlis Agama Islam	<b>21 akaun yang telah disahkan</b> <b>14</b> Pendapat Tanpa Teguran <b>1</b> Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> <b>6</b> Pendapat Berteguran
<b>Badan Berkanun Negeri dan MAI</b>  <b>RM108.14 juta</b> Lebihan Semasa  <b>RM453.92 juta</b> Aset Semasa Bersih	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>  <b>RM26.91 juta</b> Lebihan Semasa  <b>RM37.41 juta</b> Aset Semasa Bersih	<b>Cukai Taksiran</b>  <b>RM26.14 juta</b> Semasa  <b>RM0.74 juta</b> Tunggakan

## **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

## **2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, iaitu bagi sembilan (9) penyata kewangan BBN, 11 penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 11 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) penyata kewangan MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 (Enakmen No.3 Tahun 1991).

2.2. Pengauditan terhadap penyata kewangan MAI, Majlis Daerah Raub dan Perbadanan Stadium Darul Makmur adalah dilaksanakan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala baki 18 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7.(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

### **3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

3.1. Setakat 30 September 2019, kesemua sembilan (9) BBN dan 11 PBT serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Daripada 21 agensi terlibat, 16 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, iaitu sebelum atau pada 30 April 2019. Lima (5) agensi iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP), Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP), Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) dan Majlis Daerah Pekan (MDP) mengemukakan selepas 30 April 2019. Daripada lima (5) agensi tersebut, tiga (3) agensi iaitu PKNP, PKPP dan PPAP mendapat kelulusan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Majlis Sukan Pahang (MSP)	26.04.2019
2.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (PKBF)	29.04.2019
3.	Yayasan Pahang (YP)	30.04.2019
4.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang (PMNP)	30.04.2019
5.	Lembaga Pembangunan Tioman (LPT)	30.04.2019
6.	Perbadanan Stadium Darul Makmur (PSDM)	30.04.2019
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)	10.05.2019
8.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP)	29.05.2019
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang (PPAP)	30.05.2019
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)	30.04.2019
2.	Majlis Perbandaran Bentong (MPB)	30.04.2019
3.	Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)	30.04.2019
4.	Majlis Daerah Jerantut (MDJ)	30.04.2019
5.	Majlis Daerah Maran (MDM)	30.04.2019
6.	Majlis Daerah Rompin (MDR)	30.04.2019

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
7.	Majlis Daerah Raub (MDRaub)	30.04.2019
8.	Majlis Daerah Lipis (MDL)	30.04.2019
9.	Majlis Daerah Bera (MDB)	30.04.2019
10.	Majlis Daerah Pekan (MDP)	15.05.2019
11.	Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)	28.05.2019
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	30.04.2019

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan mulai tahun 2019 supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan berkaitan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan agensi dianggap masih belum mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan piawaian perakaunan yang diterima pakai di Malaysia adalah *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards* (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts* 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	6
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)</i>	-
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	15
<b>JUMLAH</b>		<b>21</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. PERAKUAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Perakuan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.



### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

### 5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

### **5.2.1. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada pernyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas pernyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, material tetapi tidak pervasif.

### **5.2.2. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada pernyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

### **5.2.3. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap pernyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada pernyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat juga diberi apabila juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian tetapi tidak dapat memberi pendapat disebabkan oleh potensi ketidakpastian dan kesan kumulatif terhadap pernyata kewangan.

## **5.3. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

### **5.3.1. Perenggan *Emphasis of Matter* (EOM)**

ISSAI 1706 menyatakan perenggan EOM adalah perkara yang didedahkan atau dinyatakan dalam pernyata kewangan. Juruaudit membuat pertimbangan profesional bahawa ia amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna pernyata kewangan.

### **5.3.2. Perenggan Hal-hal Lain (*Other Matter*)**

ISSAI 1706 menyatakan perenggan *Other Matter* merujuk kepada perkara selain daripada yang didedahkan atau dinyatakan di dalam pernyata kewangan. Pada

pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau laporan Audit.

### **5.3.3. Perkara Audit Utama (*Key Audit Matter*)**

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Audit Utama (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (*those charged with governance*).

5.4. Pengauditan yang telah dijalankan terhadap 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2018 mendapat sebanyak 14 penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran, satu (1) penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan enam (6) penyata kewangan diberi Pendapat Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PENDAPAT AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2018**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS PENDAPAT AUDIT</b>	<b>TAHUN KEWANGAN</b>				
		<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>
1.	Pendapat Tanpa Teguran	19	20	20	14	14
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	1	1	5	1
3.	Pendapat Berteguran	1	-	-	2	6
<b>JUMLAH</b>		<b>21</b>	<b>21</b>	<b>21</b>	<b>21</b>	<b>21</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2014 hingga 2018

5.5. Bagi tahun kewangan 2018, 14 agensi yang diberi Pendapat Tanpa Teguran terdiri daripada lima (5) penyata kewangan BBN dan sembilan (9) penyata kewangan PBT.

5.6. Satu (1) penyata kewangan BBN yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT**  
**TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

<b>AGENSI</b>	<b>ASAS KEPADA PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i></b>
Perbadanan Muzium Negeri Pahang	Baki Hartanah, Loji dan Peralatan di penyata kewangan berjumlah RM27.17 juta dan susut nilai berjumlah RM10.44 juta. Bagaimanapun, kesahihan amaan tidak dapat dipastikan kerana perbezaan amaan antara rekod oleh Firma Aktauntan yang menyediakan penyata, Bahagian Aset PMNP dan pengiraan Firma Audit Swasta.

Sumber: Perakuan Ketua Audit Negara Tahun 2018

5.7. Bagi tahun kewangan 2018, enam (6) penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERI**  
**PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	<p><b>Keuntungan Terkumpul (Kumpulan) – RM112.91 juta</b>  Baki Keuntungan Terkumpul (Kumpulan) berjumlah RM112.91 juta telah terkurang nyata sejumlah RM58.09 juta semasa penyediaan penyatuan akaun disebabkan Perbadanan tidak mengambil kira hapus kira (<i>elimination</i>) keuntungan terkumpul syarikat bersekutu (PASDEC) berjumlah RM45.29 juta dan hapus kira (<i>elimination</i>) simpanan modal syarikat subsidiari berjumlah RM12.80 juta.</p> <p><b>Simpanan Modal (Kumpulan) – RM16.04 juta</b>  Baki Simpanan Modal (Kumpulan) berjumlah RM16.04 juta telah terlebih nyata sejumlah RM13.97 juta disebabkan Perbadanan terkurang mengambil kira amaun hapus kira (<i>elimination</i>) simpanan modal syarikat subsidiari semasa penyediaan penyata penyatuan akaun. Perbadanan telah mengambil kira sejumlah RM8.89 juta daripada yang sepatutnya berjumlah RM22.86 juta.</p>
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	<p><b>Pelaburan Syarikat Bersekutu – RM512.85 juta</b>  Pelaburan Perbadanan dalam dua (2) syarikat bersekutu iaitu LKPP Goldkist Sdn. Bhd. dan Xorix Sdn. Bhd. telah mengalami rosot nilai masing-masing sejumlah RM10.80 juta dan RM0.63 juta tidak diambil kira dalam melaporkan nilai pelaburan syarikat bersekutu pada 31 Disember 2018. Hal ini menyebabkan jumlah Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu terlebih nyata sejumlah RM11.43 juta. Selain itu, Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Tanah Makmur Berhad juga telah terlebih nyata sejumlah RM15.85 juta kerana Perbadanan tidak mengambil kira pelupusan pegangan dalam syarikat tersebut melalui terbitan 31,700,929 unit <i>Convertible Preference Share</i> berjumlah RM15.85 juta.</p>
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	<p><b>Belanja Terakru – RM0.91 juta</b>  Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang tidak mengambil kira belanja terakru sejumlah RM1.02 juta bagi tahun kewangan 2018. Perkara ini menyebabkan liabiliti dan perbelanjaan bagi tahun kewangan 2018 terkurang nyata sejumlah RM1.02 juta.</p>
4.	Majlis Daerah Raub	<p><b>Aset Bukan Semasa – RM27.32 juta</b>  MDRaub tidak mengambil kira Tanah HS(D)11377 yang berjumlah RM1.36 juta dalam penyata kewangan kerana menganggap tanah tersebut adalah sama dengan tanah PN4562. Hal ini menyebabkan Aset Bukan Semasa telah terkurang nyata dengan jumlah tersebut.</p> <p><b>Akaun Belum Terima Cukai Taksiran – RM3.24 juta</b>  Baki Akaun Belum Terima Cukai di Penyata Kewangan dan Ringkasan Penyata Penyesuaian Hasil berbeza dengan Jadual Pengumuran sejumlah RM476,630. MDRaub tidak dapat memberi penjelasan dan dokumen sokongan berkaitan perbezaan tersebut.</p>
5.	Majlis Daerah Lipis	<p><b>Bantuan Kerajaan Tertunda Tahun 2017 – RM14.75 juta</b>  MDL telah membuat pelarasan bagi melunaskan baki Bantuan Kerajaan Tertunda berjumlah RM0.91 juta dengan lejar CIMB Bank Projek yang sepatutnya dikreditkan ke Kumpulan Wang Majlis. Bayaran berjumlah RM0.91 juta yang dibuat menggunakan akaun CIMB Bank Projek tersebut sepatutnya direkodkan secara beregu dengan lejar Sumbangan Amanah Projek. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah merekod transaksi bayaran tersebut secara beregu antara lejar Sumbangan Amanah Projek dengan lejar Terimaan Melaksana Projek. Perkara ini menyebabkan jumlah hasil Majlis tahun 2018 telah terlebih nyata manakala Kumpulan Wang Majlis telah terkurang nyata masing-masing sejumlah RM0.91 juta.</p> <p><b>Pembiutang SWCorp – RM1.02 juta</b>  MDL telah terlebih merekodkan belanja pembersihan awam yang dibayar oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang kepada SWCorp bagi pihak MDL. Perkara ini</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		menyebabkan lejar Pemberian Kerajaan terlebih nyata dan lejar Pemutang SWCorp terkurang nyata sejumlah RM216,529.
6.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	<p><b>Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan Penyata Kewangan – RM23.28 juta</b></p> <p>Majlis telah membelanjakan sejumlah RM23.28 juta pada tahun 2018 daripada sumber zakat untuk membaiayai belanja mengurus dan pembangunan Pahang Medical Centre Sdn. Bhd.. Mesyuarat Penuh Majlis kali ke-175 dan 176 yang bersidang pada 21 Februari 2019 dan 23 April 2019 memutuskan sumber perbelanjaan tersebut dibiayai oleh Kumpulan Wang Baitulmal sepenuhnya melalui pinjaman daripada simpanan Kumpulan Wang Zakat. Pembiayaan tersebut akan diiktiraf sebagai hutang Kumpulan Wang Zakat oleh Kumpulan Wang Baitulmal dan perlu dijelaskan secara ansuran dalam tempoh jangka panjang. Majlis bagaimanapun belum membuat pelarasan bagi perkara tersebut dalam penyata kewangan tahun 2018 menyebabkan lejar Penghutang Akaun Zakat oleh Akaun Baitulmal dan lejar Pemutang Akaun Baitulmal oleh Akaun Zakat terkurang nyata sejumlah RM23.28 juta.</p>

Sumber: Perakuan Ketua Audit Negara Agensi Tahun 2018

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Perakuan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Negeri Pahang. Lapan (8) penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.

6.2. Selain itu, satu (1) penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, iaitu PPAP masih belum dibentangkan setakat 30 September 2019. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**  
**DI DEWAN NEGERI PAHANG SETAKAT 30 SEPTEMBER 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN NEGERI PAHANG
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	26.11.2018
2.	Yayasan Pahang	26.11.2018
3.	Lembaga Pembangunan Tioman	26.11.2018
4.	Majlis Sukan Pahang	26.11.2018
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	26.11.2018
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	19.04.2019
7.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	19.04.2019
8.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	19.04.2019
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	Belum Bentang
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Kuantan	19.04.2019
2.	Majlis Perbandaran Bentong	19.04.2019
3.	Majlis Perbandaran Temerloh	19.04.2019
4.	Majlis Daerah Cameron Highlands	19.04.2019
5.	Majlis Daerah Jerantut	19.04.2019
6.	Majlis Daerah Maran	19.04.2019
7.	Majlis Daerah Pekan	19.04.2019
8.	Majlis Daerah Rompin	19.04.2019
9.	Majlis Daerah Raub	19.04.2019
10.	Majlis Daerah Lipis	19.04.2019
11.	Majlis Daerah Bera	19.04.2019

Sumber: Fail Mesyuarat Dewan Negeri Pahang

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti terhadap 21 agensi negeri. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit agensi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berbanding tahun 2017.

## 7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2018 bagi sembilan (9) BBN dan MAI adalah baik berbanding tahun 2017. Pada akhir tahun kewangan 2018, lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM364.93 juta atau 15.3% dan jumlah aset meningkat sejumlah RM418.09 juta atau 12.1%. Aset semasa bersih meningkat sejumlah RM453.92 juta atau 59.8% berbanding tahun 2017. Bagaimanapun, lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM108.14 juta atau 44.1% berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan sembilan (9) BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 7.**




**JADUAL 7**  
**PRESTASI KEWANGAN KESELURUHAN BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	2,743.62	2,378.69	364.93	15.3
2.	Jumlah Aset	3,880.20	3,462.11	418.09	12.1
3.	Aset Semasa Bersih	1,212.64	758.72	453.92	59.8
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	136.84	244.98	-108.14	-44.1

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, enam (6) BBN dan MAI mencatatkan lebihan pendapatan manakala tiga (3) BBN iaitu PMNP, LPT dan PKBF mencatatkan kurangan tahun semasa. PKPP memperoleh lebihan pendapatan tertinggi yang berjumlah RM67.64 juta. Selain itu, lima (5) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu YP sejumlah RM76.76 juta, PMNP sejumlah RM0.83 juta, LPT sejumlah RM100,813, PKBF sejumlah RM7.50 juta dan PPAP sejumlah RM1.23 juta. Butiran terperinci prestasi kewangan BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 8.**



**JADUAL 8**  
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI**  
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/KURANGAN (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	309.04	241.40	67.64	733.21	100.58	632.63
2.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	181.03	163.10	17.93	388.43	12.72	375.71
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	99.73	92.94	6.79	461.58	185.06	276.52
4.	Majlis Sukan Pahang	8.71	8.21	0.50	14.04	0.12	13.92
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	1.90	1.78	0.12	0.43	0.14	0.29
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	44.73	12.58	32.15	0.28	1.51	-1.23
7.	Yayasan Pahang	128.64	113.87	14.77	158.17	234.93	-76.76
8.	Lembaga Pembangunan Tioman	4.29	4.71	-0.42	3.43	3.53	-0.10
9.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	6.33	7.05	-0.72	0.37	1.20	-0.83
10.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	7.58	9.48	-1.90	3.93	11.43	-7.50
<b>JUMLAH</b>		<b>791.98</b>	<b>655.12</b>	<b>136.86</b>	<b>1,763.87</b>	<b>551.22</b>	<b>1,212.65</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

### 7.1.3. Analisis Aset

- a. Aset BBN dan MAI merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti Hartanah, Loji dan Peralatan, Pelaburan, Penghutang dan Wang Tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh sembilan (9) BBN dan MAI adalah bernilai RM3.880 bilion berbanding RM3.462 bilion pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM418.09 juta atau 12.1%. PKPP mencatatkan peningkatan nilai aset yang ketara pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM283.95 juta manakala PKNP mencatatkan peningkatan aset tertinggi iaitu sejumlah 21.4%. Kedudukan aset BBN dan MAI pada 31 Disember 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI DAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	701.55	577.66	123.89	21.4
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	40.49	33.38	7.11	21.3
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	1,707.63	1,423.68	283.95	19.9
4.	Majlis Sukan Pahang	15.01	14.74	0.27	1.8
5.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	710.44	704.04	6.40	0.9
6.	Lembaga Pembangunan Tioman	4.98	4.94	0.04	0.8
7.	Yayasan Pahang	661.20	661.39	-0.19	-0.03
8.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	17.10	17.73	-0.63	-3.6
9.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.68	0.71	-0.03	-4.2
10.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	21.12	23.84	-2.72	-11.4
<b>JUMLAH</b>		<b>3,880.20</b>	<b>3,462.11</b>	<b>418.09</b>	<b>12.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

- a. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah aset semasa bersih BBN dan MAI meningkat sejumlah RM452.97 juta atau 59.6% iaitu daripada RM759.67 juta pada tahun kewangan 2017 kepada RM1.213 bilion pada tahun kewangan 2018. Lima (5) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu YP, PMNP, LPT, PKBF dan PPAP. Kedudukan aset semasa bersih pada 31 Disember 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH BADAN BERKANUN**  
**NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	-1.23	-0.35	-0.88	251.4
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	632.63	257.35	375.28	145.8
3.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.30	0.16	0.14	87.5
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	276.52	214.25	62.27	29.1
5.	Yayasan Pahang	-76.76	-72.70	-4.06	5.6
6.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	375.70	356.48	19.22	5.4
7.	Majlis Sukan Pahang	13.91	13.40	0.51	3.8
8.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	-0.83	-0.85	0.02	-2.4
9.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	-7.50	-8.34	0.84	-10.1
10.	Lembaga Pembangunan Tioman	-0.10	0.27	-0.37	-137.0
<b>JUMLAH</b>		<b>1,212.64</b>	<b>759.67</b>	<b>452.97</b>	<b>59.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

#### 7.1.4. Analisis Pelaburan

Jumlah pelaburan  
**RM148.14 juta**

Pada 31 Disember 2018, pelaburan bagi tiga (3) BBN dan MAI adalah berjumlah RM1.282 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain pelaburan. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, pelaburan telah meningkat sejumlah RM148.14 juta atau 13.1% iaitu daripada RM1.134 bilion pada 31 Disember 2017 kepada RM1.282 bilion pada 31 Disember 2018 seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI**  
**DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN PELABURAN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	68.83	70.96	512.86	193.69	324.99	430.40	906.68	695.05
2.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	76.01	63.28	-	10.73	71.25	89.74	147.26	163.75
3.	Yayasan Pahang	128.64	141.23	0.43	0.43	-	2.62	129.07	144.28
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	10.06	18.22	38.30	61.71	50.71	50.93	99.07	130.86
<b>JUMLAH</b>		<b>283.54</b>	<b>293.69</b>	<b>551.59</b>	<b>266.56</b>	<b>446.95</b>	<b>573.69</b>	<b>1,282.08</b>	<b>1,133.94</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

#### 7.1.5. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan tanggungan jangka panjang dengan komponen utama seperti Pinjaman, Pemiutang, Deposit dan Pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi sembilan (9) BBN dan MAI meningkat sejumlah RM56.85 juta atau 5.4%, iaitu daripada RM1.048 bilion pada tahun kewangan 2017 kepada RM1.105 bilion pada tahun kewangan 2018. Tiga (3) BBN mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu PKNP, LPT dan PMNP. Analisis Audit mendapati PKNP mencatatkan peningkatan liabiliti tertinggi, iaitu sejumlah RM119.07 juta atau 26.5% disebabkan peningkatan dalam Pendapatan Tertunda berjumlah RM145 juta melibatkan pengiktirafan bagi kos projek pembangunan Tanjung Agas. Kedudukan liabiliti BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 12**.

Jumlah liabiliti meningkat  
**RM56.85 juta**

**JADUAL 12**  
**KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI DAN**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	567.78	448.71	119.07	26.5
2.	Lembaga Pembangunan Tioman	3.53	3.08	0.45	14.6
3.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	1.20	1.11	0.09	8.1
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	270.60	284.18	-13.58	-4.8
5.	Yayasan Pahang	234.93	249.89	-14.96	-6.0
6.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	11.43	12.36	-0.93	-7.5
7.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	13.22	17.05	-3.83	-22.5
8.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	0.23	0.39	-0.16	-41.0
9.	Majlis Sukan Pahang	0.12	0.35	-0.23	-65.7
10.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	1.51	30.58	-29.07	-95.1
<b>JUMLAH</b>		<b>1,104.55</b>	<b>1,047.70</b>	<b>56.85</b>	<b>5.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018 dan 2017

#### 7.1.6. Analisis Nisbah

- a. Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi lima (5) BBN adalah kurang daripada satu iaitu YP, PMNP, LPT, PKBF dan PPAP disebabkan liabiliti semasa yang tinggi dicatatkan oleh agensi tersebut. Sebahagian besar daripada liabiliti semasa agensi adalah terdiri daripada Belanja Terakru, Pendahuluan dan Deposit.
- b. Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti. Selain itu, ia juga digunakan untuk mengukur kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN dan MAI adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi. Analisis kecairan dan kestabilan sembilan (9) BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN 2018**

BIL.	AGENSI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2.49	1.93	276.52	89.45	80.9
2.	Lembaga Pembangunan Tioman	0.97	3.97	-10.00	0.14	70.8
3.	Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser	0.34	0.34	-7.50	-0.05	54.1

BIL.	AGENSI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA (RM Juta)	ALIRAN TUNAI BERSIH (RM Juta)	NISBAH HUTANG (%)
4.	Yayasan Pahang	0.67	0.67	-76.76	-11.61	35.5
5.	Perbadanan Stadium Darul Makmur	3.18	3.18	0.30	-0.01	34.1
6.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	7.29	7.29	632.63	100.44	15.8
7.	Perbadanan Muzium Negeri Pahang	0.31	0.07	-0.83	-0.04	7.0
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	0.19	0.19	-1.23	0.07	3.7
9.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	30.53	30.53	375.70	-65.22	1.9
10.	Majlis Sukan Pahang	113.10	113.10	13.91	0.34	0.8

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

## 7.2. Prestasi Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

### 7.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu

Pada tahun 2018, jumlah pelaburan BBN dan MAI dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah berjumlah RM835.13 juta. Agensi yang terlibat adalah PKNP melabur sejumlah RM48.36 juta dalam 10 syarikat, PKPP melabur sejumlah RM581.69 juta dalam 11 syarikat, YP melabur sejumlah RM129.07 juta dalam sembilan (9) syarikat dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) melabur sejumlah RM76.01 juta dalam sembilan (9) syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**ANALISIS PELABURAN AGENSI PADA KOS DALAM**  
**SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018**

PERKARA	AGENSI				JUMLAH
	PKNP	PKPP	YP	MUIP	
Syarikat Subsidiari (100%)	6	5	7	7	25
Syarikat Subsidiari (>50%)	-	-	-	2	2
Syarikat Bersekutu (20%-50%)	4	6	2	-	12
<b>JUMLAH SYARIKAT</b>	<b>10</b>	<b>11</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>39</b>
<b>PELABURAN (RM Juta)</b>	<b>48.36</b>	<b>581.69</b>	<b>129.07</b>	<b>76.01</b>	<b>835.13</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

### 7.2.2. Status Syarikat Subsidiari

Analisis Audit mendapati tiga (3) BBN dan MAI memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 27 syarikat subsidiari yang berstatus aktif. MUIP mempunyai bilangan syarikat

subsidiari terbanyak iaitu sembilan (9) syarikat. Status syarikat subsidiari BBN dan MAI adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM PADA TAHUN 2018**

BIL.	AGENSI	STATUS		
		AKTIF	DORMAN	JUMLAH
1.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	9	-	9
2.	Yayasan Pahang	7	-	7
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	6	-	6
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	5	-	5
<b>JUMLAH</b>		<b>27</b>	-	<b>27</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

### 7.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2018, analisis Audit mendapati sebanyak tujuh (7) syarikat subsidiari BBN dan empat (4) syarikat subsidiari MAI mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM1.009 bilion. Baki 11 syarikat subsidiari BBN dan lima (5) syarikat subsidiari MAI pula mengalami kerugian terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM94.45 juta. Syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi ialah syarikat subsidiari kepada PKPP iaitu LKPP Corporation Sdn. Bhd. sejumlah RM633.86 juta dan syarikat subsidiari kepada YP iaitu YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. sejumlah RM213.34 juta. Analisis keuntungan dan kerugian terkumpul syarikat subsidiari BBN dan MAI bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI**  
**BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	AGENSI	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/KERUGIAN BERSIH (RM Juta)
		SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)	SYARIKAT SUBSIDIARI	JUMLAH (RM Juta)	
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	3	642.71	2	2.65	640.06
2.	Yayasan Pahang	2	222.32	5	21.65	200.67
3.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	4	139.06	5	52.52	86.54
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	2	5.31	4	17.63	-12.32
<b>JUMLAH</b>		<b>11</b>	<b>1,009.40</b>	<b>16</b>	<b>94.45</b>	<b>914.95</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari Tahun 2018

### 7.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.3.1. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, secara keseluruhannya prestasi kewangan PBT mencatatkan peningkatan lebihan semasa sejumlah RM26.91 juta atau 214.3% berbanding tahun sebelumnya menjadi RM39.47 juta pada akhir tahun 2018. Sembilan (9) PBT mencatatkan lebihan semasa manakala dua (2) PBT mencatatkan kurangan semasa bagi tahun kewangan 2018. MPB mencatatkan lebihan semasa tertinggi iaitu sejumlah RM23.55 juta. Manakala MDRaub menunjukkan peningkatan lebihan semasa tertinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu 350% daripada RM15,423 bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 kepada RM87,405 bagi tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh meningkatnya pendapatan daripada Kutipan Denda, Cukai Taksiran, Sewaan serta Geran dan Sumbangan Kerajaan. Kedudukan prestasi kewangan PBT pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17** dan kedudukan lebihan/kurangan semasa PBT bagi tahun kewangan 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 17**  
**KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	AGENSI	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Bentong	59.67	36.12	23.55	75.65	4.79	70.86
2.	Majlis Perbandaran Kuantan	123.87	118.27	5.60	42.77	72.16	-29.39
3.	Majlis Daerah Jerantut	21.81	16.24	5.57	8.03	8.19	-0.16
4.	Majlis Daerah Lipis	16.86	14.44	2.42	6.04	5.61	0.43
5.	Majlis Daerah Rompin	14.61	12.37	2.24	40.87	25.26	15.61
6.	Majlis Daerah Cameron Highlands	15.25	14.33	0.92	16.32	4.50	11.82
7.	Majlis Daerah Pekan	14.89	14.48	0.41	20.81	11.14	9.67
8.	Majlis Daerah Bera	15.83	15.54	0.29	19.21	11.70	7.51
9.	Majlis Daerah Raub	14.75	14.66	0.09	9.06	2.35	6.71
10.	Majlis Perbandaran Temerloh	29.07	29.83	-0.76	27.69	24.42	3.27
11.	Majlis Daerah Maran	10.66	11.52	-0.86	8.47	46.04	-37.57
<b>JUMLAH</b>		<b>337.27</b>	<b>297.80</b>	<b>39.47</b>	<b>274.92</b>	<b>216.16</b>	<b>58.76</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

**JADUAL 18**  
**KEDUDUKAN LEBIHAN/KURANGAN SEMASA**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	2018	2017	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)	LEBIHAN/ KURANGAN (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Bentong	23.55	13.96	9.59	68.7
2.	Majlis Perbandaran Kuantan	5.60	-8.23	13.83	-168
3.	Majlis Daerah Jerantut	5.57	1.54	4.03	261.7
4.	Majlis Daerah Lipis	2.42	-0.72	3.14	-436.1
5.	Majlis Daerah Rompin	2.24	1.23	1.01	82.1
6.	Majlis Daerah Cameron Highlands	0.92	3.21	-2.29	-71.3
7.	Majlis Daerah Pekan	0.41	-0.52	0.93	-178.8
8.	Majlis Daerah Bera	0.29	3.56	-3.27	-91.9
9.	Majlis Daerah Raub	0.09	0.02	0.07	350
10.	Majlis Perbandaran Temerloh	-0.76	-0.96	0.20	-20.8
11.	Majlis Daerah Maran	-0.86	-0.53	-0.33	62.3
<b>JUMLAH</b>		<b>39.47</b>	<b>12.56</b>	<b>26.91</b>	<b>214.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.3.2. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Pada 31 Disember 2018, aset semasa bersih bagi kesemua PBT adalah berjumlah RM58.76 juta iaitu meningkat sejumrah RM37.41 juta atau 175.2% berbanding tahun 2017. Empat (4) PBT mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih manakala empat (4) PBT lagi mencatatkan pengurangan dalam aset semasa bersih pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, tiga (3) PBT lagi mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu MPK, MDJ dan MDM disebabkan peningkatan dalam Perbelanjaan Terakru dan Pemiutang pada tahun 2018. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih PBT pada 31 Disember 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	TAHUN 2018			TAHUN 2017		
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Bentong	75.65	4.79	70.86	51.82	3.49	48.33
2.	Majlis Daerah Rompin	40.87	25.26	15.61	39.40	27.11	12.29
3.	Majlis Daerah Cameron Highlands	16.32	4.50	11.82	19.15	4.13	15.02
4.	Majlis Daerah Pekan	20.81	11.14	9.67	25.43	14.78	10.65
5.	Majlis Daerah Bera	19.21	11.70	7.51	17.12	9.53	7.59
6.	Majlis Daerah Raub	9.06	2.35	6.71	9.42	3.80	5.62

BIL.	AGENSI	TAHUN 2018			TAHUN 2017			ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (RM Juta)
		ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	ASET SEMASA (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (RM Juta)	ASET SEMASA BERSIH (RM Juta)	
7.	Majlis Perbandaran Temerloh	27.69	24.42	3.27	27.72	21.70	6.02	
8.	Majlis Daerah Lipis	6.04	5.61	0.43	4.57	21.01	-16.44	
9.	Majlis Daerah Jerantut	8.03	8.19	-0.16	7.18	6.79	0.39	
10.	Majlis Perbandaran Kuantan	42.77	72.16	-29.39	37.58	70.35	-32.77	
11.	Majlis Daerah Maran	8.47	46.04	-37.57	9.56	44.91	-35.35	
<b>JUMLAH</b>		<b>274.92</b>	<b>216.16</b>	<b>58.76</b>	<b>248.95</b>	<b>227.60</b>	<b>21.35</b>	

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.3.3. Hasil Cukai Taksiran dan Tuggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Cukai Taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT. Cukai Taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT yang dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, kilang, hotel dan sebagainya), harta industri (kilang, pelabuhan dan sebagainya) dan tanah. Sehingga akhir tahun 2018, sejumlah RM167.74 juta Cukai Taksiran telah diiktiraf oleh 11 PBT Negeri Pahang. Hasil Cukai Taksiran tahun 2018 meningkat sejumlah RM26.14 juta atau 18.5% berbanding tahun 2017 seperti dalam **Jadual 20**.

#### Cukai taksiran

**RM26.14 juta  
(18.5%)**



**2018 RM167.74 juta  
2017 RM141.60 juta**

**JADUAL 20**  
**HASIL CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	AGENSI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Bentong	41.72	21.42	20.30	94.8
2.	Majlis Daerah Cameron Highlands	7.81	6.73	1.08	16.0
3.	Majlis Daerah Pekan	7.06	6.34	0.72	11.4
4.	Majlis Daerah Bera	4.78	4.33	0.45	10.4
5.	Majlis Daerah Rompin	4.32	4.01	0.31	7.7
6.	Majlis Daerah Maran	2.39	2.26	0.13	5.8
7.	Majlis Daerah Lipis	3.55	3.38	0.17	5.0
8.	Majlis Perbandaran Kuantan	68.39	65.63	2.76	4.2
9.	Majlis Daerah Jerantut	5.85	5.64	0.21	3.7
10.	Majlis Daerah Raub	6.13	6.03	0.10	1.7
11.	Majlis Perbandaran Temerloh	15.74	15.83	-0.09	-0.6
<b>JUMLAH</b>		<b>167.74</b>	<b>141.60</b>	<b>26.14</b>	<b>18.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

b. Penyata Kewangan bagi 11 PBT menunjukkan Tuggakan Hasil Cukai Taksiran pada tahun 2018 berjumlah RM65.04 juta iaitu peningkatan sejumlah RM0.74 juta atau 1.2% berbanding tahun sebelumnya. Analisis terhadap Tuggakan Hasil Cukai Taksiran mendapati lapan (8) PBT telah mencatatkan peningkatan tunggakan pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya. Antara sebab peningkatan tunggakan ini ialah tiada tindakan susulan/lanjut dibuat oleh PBT selepas Notis E dikeluarkan dan notis lewat dikeluarkan. Kedudukan terperinci Tuggakan Hasil Cukai Taksiran pada 31 Disember 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**Tuggakan cukai taksiran**  
**RM0.74 juta**   
**(1.2%)**  
**2018-RM65.04 juta**  
**2017-RM64.30 juta**

**JADUAL 21**  
**TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2018 BERBANDING 2017**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI</b>	<b>2018</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>2017</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
		<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>		
1.	Majlis Daerah Cameron Highlands	1.47	0.85	0.62	72.9
2.	Majlis Daerah Lipis	2.17	1.86	0.31	16.7
3.	Majlis Daerah Rompin	3.53	3.16	0.37	11.7
4.	Majlis Daerah Maran	1.76	1.59	0.17	10.7
5.	Majlis Daerah Jerantut	1.60	1.49	0.11	7.4
6.	Majlis Perbandaran Bentong	11.12	10.47	0.65	6.2
7.	Majlis Perbandaran Temerloh	10.98	10.43	0.55	5.3
8.	Majlis Daerah Bera	2.31	2.27	0.04	1.8
9.	Majlis Perbandaran Kuantan	24.43	25.58	-1.15	-4.5
10.	Majlis Daerah Pekan	2.43	2.67	-0.24	-9.0
11.	Majlis Daerah Raub	3.24	3.93	-0.69	-17.6
<b>JUMLAH</b>		<b>65.04</b>	<b>64.30</b>	<b>0.74</b>	<b>1.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

#### **7.3.4. Tuggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan**

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2018, jumlah pendapatan bagi 11 PBT adalah RM337.27 juta. Tuggakan Cukai Taksiran pula adalah berjumlah RM65.04 juta atau 19.3% daripada jumlah pendapatan. MPT mencatatkan Tuggakan Cukai Taksiran tertinggi, iaitu 37.8% daripada pendapatan tahunan. Peningkatan Tuggakan Cukai Taksiran ini perlu diberi perhatian dan tindakan supaya dapat mengukuhkan lagi kedudukan kewangan semasa PBT. Analisis Tuggakan Cukai Taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PERATUS TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**  
**BERBANDING JUMLAH PENDAPATAN BAGI TAHUN 2018**

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN (%)
1.	Majlis Perbandaran Temerloh	10.98	29.07	37.8
2.	Majlis Daerah Rompin	3.53	14.61	24.2
3.	Majlis Daerah Raub	3.24	14.75	22.0
4.	Majlis Perbandaran Kuantan	24.43	123.87	19.7
5.	Majlis Perbandaran Bentong	11.12	59.67	18.6
6.	Majlis Daerah Maran	1.76	10.66	16.5
7.	Majlis Daerah Pekan	2.43	14.89	16.3
8.	Majlis Daerah Bera	2.31	15.83	14.6
9.	Majlis Daerah Lipis	2.17	16.86	12.9
10.	Majlis Daerah Cameron Highlands	1.47	15.25	9.6
11.	Majlis Daerah Jerantut	1.60	21.81	7.3
<b>JUMLAH</b>		<b>65.04</b>	<b>337.27</b>	<b>19.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

## 8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREA*)

Bermula tahun 2019, Jabatan Audit Negara melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak hasil daripada pengauditan *Key Audit Area* yang melibatkan lima (5) kriteria iaitu penyaluran dan penggunaan Geran Pembangunan, Pinjaman Diterima, Cukai Taksiran/Agihan Zakat, Perolehan Artifikal serta Pelaburan/Pinjaman Diberi.

### 8.1. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan kepada agensi adalah daripada sumber Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau agensi Kerajaan Persekutuan. Geran Pembangunan disalurkan dan dibelanjakan mengikut tujuan, syarat dan sekatan (*performance obligation*) yang ditetapkan. Pelunasan terhadap Geran Pembangunan perlu dibuat apabila *performance obligation* telah dipenuhi serta perlu diakaunkan dengan betul dan tepat dalam penyata kewangan. Penemuan Audit berkaitan Geran Pembangunan bagi agensi negeri pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN GERAN PEMBANGUNAN**

BIL.	AGENSI	PENEMUAN AUDIT
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	Status terkini geran berjumlah RM3.96 juta tidak dapat dikenal pasti sama ada sudah lunas, belum lunas atau yang diterima pada tahun semasa kerana maklumat terperinci berkaitan geran tidak disediakan oleh PKNP.
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang	Bantuan Kerajaan Tertunda berjumlah RM30.05 juta telah diklasifikasikan sebagai Lain-lain Pendapatan yang mana sepatutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti.
3.	Majlis Perbandaran Kuantan	Perbelanjaan bagi dua (2) projek iaitu Boardwalk TC Fasa 1 berjumlah RM19,793 dan Dewan Jubli Perak berjumlah RM355,047 adalah melebihi peruntukan diterima iaitu masing-masing berjumlah RM10,690 dan RM300,000.  Tiada tindakan diambil oleh Majlis terhadap baki geran bagi projek yang telah selesai sama ada untuk dipulangkan atau mendapat kelulusan pemindahan baki peruntukan tersebut.

Sumber: Surat Pengurusan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

### 8.2. Cukai Taksiran

Cukai taksiran merupakan hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak dalam kawasan Majlis dan merupakan hasil utama kepada PBT. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan cukai taksiran bagi 11 PBT mendapati sasaran kutipan cukai disediakan secara menyeluruh dan tidak menetapkan sasaran mengikut jenis harta yang dipegang. Laporan Pengecualian Kadar Cukai Taksiran juga tidak disediakan. Isu lain yang dibangkitkan hasil daripada semakan terhadap penyata kewangan PBT tahun 2018 seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN CUKAI TAKSIRAN**

BIL.	AGENSI	PENEMUAN AUDIT
1.	Majlis Daerah Maran	Perbezaan baki tunggakan cukai taksiran pada 31 Disember 2018 berjumlah RM16,342 diantara lejar manual dan sistem ePBT.
2.	Majlis Daerah Raub	Senarai nilai tahunan yang dikenakan terhadap pegangan perindustrian, perdagangan dan kediaman bertanah bagi tahun 2016 dan 2017 tidak disimpan oleh MDRaub sama ada dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau <i>softcopy</i> . Pihak MDRaub hanya menyimpan maklumat senarai nilai tahunan bagi tahun 2018 sahaja.
3.	Majlis Daerah Lipis	Penyata kewangan beraudit dan penyata penyesuaian cukai pada awal tahun 2018 menunjukkan perbezaan sejumlah RM114,009. Baki di penyata kewangan beraudit pada 31 Disember 2017 adalah berjumlah RM1.86 juta manakala baki awal pada 01 Januari 2018 seperti di penyata penyesuaian pula berjumlah RM1.98 juta.  Baki Penghutang Cukai Taksiran pada 31 Disember 2018 menunjukkan perbezaan sejumlah RM134,207. Baki di lejar dan penyata kewangan adalah berjumlah RM2.13 juta manakala baki di penyata penyesuaian cukai pula berjumlah RM2.26 juta.

Sumber: Surat Pengurusan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

### 8.3. Agihan Zakat

Aktiviti utama MUIP adalah menjalankan urusan Zakat, Baitulmal, Wakaf dan lain-lain kegiatan yang berkaitan dengan agama Islam dan adat resam Melayu Pahang. Pada

31 Disember 2018, kutipan zakat adalah berjumlah RM138.70 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.04 juta atau 3.8% berbanding RM133.66 juta pada 31 Disember 2017. Isu berkaitan agihan zakat oleh MUIP adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT**

BIL.	PENEMUAN AUDIT
1.	Rekod atau maklumat tanggungan bagi asnaf yang telah menerima bantuan sebelum tahun 2018 tidak dikemas kini. Perkara ini menyebabkan kadar bantuan bulanan yang diterima tidak berdasarkan had kifayah semasa.
2.	Analisis Audit terhadap program zakat bersama asnaf yang melibatkan 46 baucar bayaran berjumlah RM2.92 juta mendapat lebihan wang zakat yang tidak habis diagihkan telah lewat dipulangkan iaitu antara satu (1) hingga 10 bulan bagi agihan secara tunai. Semua lebihan wang tunai hanya dipulang semula pada bulan Disember 2018.  Daripada 46 baucar bayaran agihan zakat, hanya lebihan bagi 37 baucar bayaran sahaja yang dipulangkan melalui jurnal pulang balik. Tiada maklumat bagi sembilan (9) lagi baucar bayaran agihan zakat sama ada mempunyai lebihan atau sebaliknya kerana tiada jurnal pulang balik dibuat.
3.	Proses kerja pengurusan bantuan bulanan fakir dan miskin tidak dikemas kini mengikut proses kerja dalam Manual Prosedur Kerja MUIP. Analisis Audit terhadap sembilan (9) borang permohonan bantuan zakat mendapat MUIP mengambil masa antara 37 hingga 89 hari untuk memproses permohonan bantuan.
4.	Agihan bantuan bulanan zakat melalui sub akaun cawangan MUIP di Temerloh didapati berlaku kelewatan pulang balik wang agihan bantuan yang tidak dituntut kepada ibu pejabat MUIP.

Sumber: Surat Pengurusan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

#### 8.4. Pinjaman dan Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari

Pinjaman dan pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa/Akta Tubuh Agensi dengan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Melulus selepas memastikan *due diligence* dan penilaian risiko dilaksanakan. Kaedah pengiktirafan yang diguna pakai hendaklah bertepatan dengan piawaian perakaunan dan diakaunkan dengan benar dan tepat. Penemuan Audit berkaitan pinjaman atau pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PINJAMAN**  
**DAN PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI**

BIL.	AGENSI	PENEMUAN AUDIT
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang	i. Baki pendahuluan pada 31 Disember 2018 kepada LKPP Property Sdn. Bhd. berbeza dengan Penyata Kewangan PKPP sejumlah RM0.77 juta.  ii. Peruntukan penjejasan (rosot nilai) kerugian atas pelaburan PKPP di dalam PKPP Agro Sdn. Bhd. telah terlebih nyata berjumlah RM370,000 disebabkan PKPP menggunakan kaedah perbandingan Modal Saham dengan Nilai Aset Bersih. Pengiraan sepatutnya adalah membandingkan Nilai Kos Pelaburan dengan Nilai Aset Bersih.
2.	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang	i. <i>Due diligence</i> dan penilaian risiko seperti kajian mengenai kedudukan kewangan entiti dikawal dan jangkaan serta kemampuan syarikat membayar balik pendahuluan yang diberi tidak dilaksanakan sebelum pemberian pendahuluan.  ii. Garis panduan dan prosedur pemberian pendahuluan masih belum disediakan.  iii. Pendedahan maklumat pendahuluan kepada entiti dikawal tidak lengkap kerana perincian jumlah pendahuluan yang diberikan kepada setiap entiti dikawal tidak dinyatakan di nota kepada penyata kewangan. Polisi pemberian pendahuluan juga tidak dinyatakan dalam nota dasar perakaunan.

Sumber: Surat Pengurusan Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

## **9. RUMUSAN AUDIT**

- 9.1. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Satu (1) penyata kewangan telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* iaitu PMNP. Selain itu, sebanyak enam (6) penyata kewangan lagi telah diberi Pendapat Berteguran iaitu PKNP, PKPP, PPAP, MDRaub, MDL dan MUIP;
- 9.2. Secara umumnya kedudukan penyediaan dan penyerahan penyata kewangan masih boleh dipertingkatkan. Lima (5) daripada 21 penyata kewangan diserahkan melebihi tempoh yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, iaitu selepas 30 April 2019;
- 9.3. Prestasi kewangan bagi BBN dan PBT adalah baik di mana 16 daripada 20 agensi mencatatkan lebihan pendapatan. Selain itu, agensi negeri juga menunjukkan peningkatan dalam aset semasa bersih iaitu sejumlah RM453.92 juta bagi BBN dan RM58.76 juta bagi PBT;
- 9.4. Hasil Cukai Taksiran menunjukkan peningkatan sejumlah RM26.14 juta atau 18.5%. Bagaimanapun, tunggakan Cukai Taksiran juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.74 juta atau 1.2%; dan
- 9.5. Secara keseluruhannya pematuhan *Key Audit Area* boleh ditambah baik. Antara kelemahan agensi adalah tidak mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang boleh memberi kesan kepada kedudukan angka di penyata kewangan pada akhir tahun.

## **10. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri, Bahagian Kerajaan Tempatan dan Lembaga Pengarah akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan serta menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;

- 10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai;
- 10.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan;
- 10.4. agensi hendaklah memantau pengurusan dan prestasi penggunaan geran pembangunan/khas adalah bagi tujuan yang ditetapkan; dan
- 10.5. agensi hendaklah memberi tumpuan terhadap isu yang dibangkitkan berdasarkan *Key Audit Area* bagi memastikan elemen penyata kewangan tersebut menunjukkan kedudukan yang benar dan tepat.



# BAHAGIAN IV

---

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



## **BAHAGIAN IV**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

#### **1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 Siri 1 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri Pahang masing-masing pada 23 November 2018. Selain itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2017 Siri 2 serta Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pahang Tahun 2017 telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 19 April 2019.

#### **2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

2.1. Bagi tempoh 1 Ogos 2018 hingga 30 September 2019, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2016 dan 2017 bagi Siri 1 dan Siri 2. Seramai 10 Pegawai Pengawal bagi jabatan/agensi negeri yang terlibat telah dipanggil memberi penjelasan kepada pihak Jawatankuasa. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat tersebut dan jabatan/agensi yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**


#### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PAHANG TERHADAP LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TEMPOH 1 OGOS 2018 HINGGA 30 SEPTEMBER 2019**

TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
<b>MESYUARAT SIASATAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2016 SIRI 1 DAN SIRI 2</b>		
13.12.2018	• Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pahang	Pengurusan Hasil Cukai Tanah
	• Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan	
	• Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	
	• Majlis Perbandaran Temerloh	Pengurusan Cukai Taksiran
	• Majlis Daerah Rompin	
	• Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	Pengurusan Hasil Pembalakan
<b>MESYUARAT SIASATAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017 SIRI 1 DAN SIRI 2</b>		
08.07.2019	• Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP)	Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri - Pengurusan Air

TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
		Pahang Berhad (PAIP)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang</li> <li>• Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser</li> <li>• Pejabat Daerah dan Tanah Raub</li> </ul>	Pengurusan Program Pembangunan Sektor Pelancongan Negeri
		Pengurusan Pemberimilikan Tanah

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.2. Jawatankuasa juga perlu memastikan Pegawai Pengawal jabatan/agensi negeri mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap syor yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Pahang selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam.



# PENUTUP

---



---

## PENUTUP

---

Secara umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 bagi Kerajaan Negeri Pahang adalah baik manakala bagi agensi negeri masih boleh dipertingkatkan. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2018 adalah stabil berbanding tahun 2017. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing berada pada tahap yang baik manakala pelaksanaan projek adalah memuaskan kerana peratus projek siap adalah 63.9%. Prestasi kewangan kerajaan negeri masih boleh diperkuuhkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri disaran meneruskan usaha mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengurangkan tunggakan hasil/Pinjaman Boleh Dituntut dan bayaran balik pinjaman/hutang lain mengikut jadual supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat;
- b. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam pengurusan kewangan;
- c. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem semak dan imbang, pemantauan berterusan, pemeriksaan mengejut, dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai; dan
- d. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**21 Oktober 2019**



# LAMPIRAN

---





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI PAHANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 11 hingga 32.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersetujuan untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Pahang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## Perkara Audit Utama

Perkara audit utama pada penilaian profesional saya, merupakan perkara yang paling penting dalam pengauditan saya ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun kewangan 2018. Perkara ini dikendalikan dalam konteks pengauditan saya terhadap penyata kewangan secara keseluruhan dan dalam memberi pendapat saya mengenainya, saya tidak memberikan pendapat berasingan berhubung perkara ini.

Perkara Audit Utama	Kaedah Perkara Audit Utama Ditangani
<p><b>1. Dividen Saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGVHB)</b></p> <p>Kerajaan Negeri Pahang telah membeli 182,407,575 unit saham FGVHB pada harga RM4.55 seunit dengan nilai buku RM829.95 juta pada bulan Jun 2012. Pembelian saham ini menggunakan sumber kewangan yang terdiri daripada sumbangan FELDA berjumlah RM250 juta, pinjaman daripada Maybank Islamic Berhad berjumlah RM500.78 juta dan pendahuluan daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM79.17 juta.</p> <p>Berdasarkan kepada perenggan 5.4 perjanjian antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Maybank Islamic Berhad (<i>Master Commodity Murabahah Financing Agreement</i>), faedah dan pokok pinjaman boleh dibayar antaranya daripada dividen yang diterima daripada saham FGVHB.</p> <p>Merujuk kepada perenggan 3.5 perjanjian antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Maybank Islamic Berhad (<i>Assignment and Charge</i>), pihak Bank mempunyai kuasa untuk set-off amanah faedah pinjaman daripada dividen yang dikreditkan ke <i>Collection Account</i> yang diwujudkan oleh pihak Bank.</p> <p>Kerajaan Negeri Pahang telah menerima dividen daripada FGVHB berjumlah RM91.10 juta dari tahun 2013 hingga 2018. Pada tahun 2018, terimaan dividen sejumlah RM9.12 juta telah dikreditkan ke <i>Collection Account</i>. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.89 juta telah diset-off daripada <i>Collection Account</i> bagi bayaran faedah pinjaman dan baki berjumlah RM3.23 juta telah dikreditkan ke akaun Bank Muamalat Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri (PKPN) Pahang.</p> <p>Pihak PKPN telah mengakaunkan dividen daripada FGVHB berjumlah RM3.23 juta manakala tiada rekod bagi RM5.89 juta sebagai hasil dividen dalam penyata kewangan. Hal ini disebabkan oleh penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang menggunakan asas tunai dan pelaburan saham FGVHB merupakan pelaburan yang dilaporkan di bawah Penyata Akaun Memorandum.</p>	<p>Prosedur Audit meliputi penilaian kawalan utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Memahami proses penyediaan bajet Kerajaan Negeri Pahang yang melibatkan pembiayaan dan pinjaman daripada Institusi Kewangan.</li><li>• Memahami proses dan tatacara perekodan yang dibuat terhadap pinjaman bagi tujuan pelaburan dan hasil dividen yang diterima bagi pelaburan yang diset-off dengan bayaran balik faedah pinjaman.</li><li>• Mengadakan perbincangan bersama pihak pengurusan mengenai implikasi perekodan dan pengiktirafan dividen kepada Kerajaan Negeri.</li><li>• Mengesahkan ketepatan pendedahan terhadap hasil dan belanja dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.</li></ul> <p>Berdasarkan prosedur di atas, Kerajaan Negeri perlu memasukkan anggaran hasil dividen yang dijangka diterima dan bayaran balik faedah yang dikenakan atas pinjaman dalam Bajet Tahunan dan Penyata Kewangan.</p>

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Pahang adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Pahang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatas kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Pahang.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Pahang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang memberi gambaran yang saksama.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Pahang telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.


### **Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan selaras dengan keperluan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
23 OGOS 2019



KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR  
彭年文告  
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN AKAUNTAN NEGERI  
PAHANG

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting'; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Pahang

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018.

DATO' INDERA HAIJI MOHAMAD ROSLAN BIN HARUN

SIMP., DSAP., DIMP., SMP.

Pegawai Kewangan Negeri Pahang

15 Mac 2019

DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN C.A (M)

DIMP., AAP., AMP.

Akauntan Negeri Pahang

15 Mac 2019

KERAJANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKUR  
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
pada 31 Disember 2018

	<i>Nota</i>	2018 RM	2017 RM
<b>WANG AWAM:</b>			
WANG TUNAI	3	9,596,133.80	7,508,288.10
PELABURAN	4	112,123,788.27	112,123,788.27
		<b>121,719,922.07</b>	<b>119,632,076.37</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(214,433,511.81)	(228,372,693.63)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	336,153,433.88	348,004,770.00
		<b>121,719,922.07</b>	<b>119,632,076.37</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*



**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018**

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2018**

<i>Nota</i>	2018		2017	
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>TERIMAAN:</b>				
<b>Hasil</b>	<b>5</b>			
Hasil Cukai		213,333,506.93		213,872,028.56
Hasil Bukan Cukai		220,951,507.78		221,063,353.46
Terimaan Bukan Hasil		213,234,868.32	647,519,883.03	100,862,241.33
				535,797,623.35
<b>Pinjaman</b>	<b>6</b>			
Dalam Negeri		71,919,337.00		97,124,992.00
Luar Negeri		-	71,919,337.00	-
				97,124,992.00
<b>Terimaan Modal</b>	<b>7</b>			
Terimaan Balik Pinjaman		147,744.50		392,857.71
Jualan Aset Modal		26,975,187.23		23,093,397.22
Pelbagai Terimaan Modal		-		
Jualan Instrumen Kewangan	<b>4</b>		27,122,931.73	-
				23,486,254.93
<b>Terimaan Lain</b>	<b>7</b>			
Terimaan Amanah		(63,017,049.89)	(63,017,049.89)	68,948,943.67
				68,948,943.67
<b>Jumlah Terimaan</b>			<b>683,545,101.87</b>	<b>725,357,813.95</b>
<b>BAYARAN:</b>				
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>5</b>			
Emolumen		311,080,481.76		306,966,380.33
Perkhidmatan dan Bekalan		152,668,622.77		144,874,860.43
Aset		3,229,420.20		4,510,041.43
Pemberian dan Kenaan		107,778,007.39		114,650,996.59
Bayaran Tetap		-		
Perbelanjaan Lain		458,254.80	575,214,786.92	352,274.60
				571,354,553.38
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	<b>7</b>			
Langsung		50,979,188.13		98,626,967.67
Pinjaman		14,367,446.83	65,346,634.96	55,658,638.69
				154,285,606.36
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Pembelian Instrumen		-	-	-
Kewangan	<b>4</b>			
				-
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>	<b>5</b>			
Dalam Negeri		40,895,834.29		42,564,517.42
Luar Negeri		-		-
Pengeluaran Pinjaman		-	40,895,834.29	-
Kepada Agensi				42,564,517.42
<b>Bayaran Lain</b>	<b>7</b>			
Akaun Amanah		-	-	-
				-
<b>Jumlah Bayaran</b>			<b>681,457,256.17</b>	<b>768,204,677.16</b>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			2,087,845.70	(42,846,863.21)
Wang Tunai Pada 1 Januari			7,508,288.10	50,355,151.31
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>			<b>9,596,133.80</b>	<b>7,508,288.10</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKJUR**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018**



**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**bagi tahun berakhir 31 Disember 2018**

	<i>Nota</i>	<i>2018</i>		<i>2017</i> <i>Sebenar</i> <i>RM</i>
		<i>Anggaran</i> <i>RM</i>	<i>Sebenar</i> <i>RM</i>	
Hasil	5	700,635,274.00	647,519,883.03	535,797,623.35
<i>Tolak:</i> Belanja Mengurus	5	(693,691,188.00)	(616,110,621.21)	(613,919,070.80)
<i>Lebihan/(Kurangan) Hasil</i>		<b>6,944,086.00</b>	<b>31,409,261.82</b>	<b>(78,121,447.45)</b>
<i>Tolak:</i> Belanja Pembangunan Belanja Bekalan Air	7	(51,611,883.87)	(50,979,188.13)	(98,626,967.67)
<i>Lebihan/(Kurangan) Keseluruhan</i>		<b>(62,901,118.47)</b>	<b>(33,937,373.14)</b>	<b>(232,407,053.81)</b>
<i>Kurangan Dibiayai Oleh:</i> Pinjaman Dalam Negeri Pelbagai Terimaan Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	6 7 3,4,7		71,919,337.00 27,122,931.73 (65,104,895.59)	97,124,992.00 23,486,254.93 111,795,806.88
<i>Jumlah Pembiayaan</i>			<b>33,937,373.14</b>	<b>232,407,053.81</b>

***Nota:***

1. Belanja mengurus termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri
2. Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018**

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
**pada 31 Disember 2018**

	<b>Nota</b>	<b>2018 RM</b>	<b>2017 RM</b>
<b>Memorandum Aset</b>			
Pinjaman Boleh Dituntut	<b>8</b>	193,487,654.39	197,879,208.14
Pelaburan	<b>8a</b>	848,797,892.37	848,797,892.37
<b>Memorandum Liabiliti</b>			
Hutang Awam	<b>8b</b>	3,052,377,680.17	3,158,033,182.34

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018**



